BIDAS

BERSIH 2.0 KUALA LUMPUR
RAMPASAN LADANG BUKIT JALIL
LAPORAN MAY DAY 2011



TEORI & PRAKTIS: BLOK HITAM

PENGEBOMAN MESIN ATM B.N.I

ANARKISMO MALAYA
KRONOLOGI UNGDOMSHUSET
PERJUANGAN PETANI KULON PROGO

PANJANG UMUR



RESISTANSI

BIDAS #2 (OKTOBER '11 - DISEMBER '11)


Salam perjuangan,

Selepas lama menghilang, terbitan terakhir Bidas adalah pada 2002, kami muncul kembali dengan kandungan yang lebih padat dan kali ini, dalam Bahasa Melayu. Isu kali ini kami selitkan sedikit berita mengenai Bersih 2.0 tempoh hari. Penulisan mengenai Bersih 2.0 ini adalah laporan pendek yang dihantar oleh komrad kami kepada laman web 325 No State dan ianya agak ringkas. Penulisan kami mengenai Bersih 2.0 sepatutnya dalam perancangan kami menjadi topik utama, akan tetapi atas masalah-masalah yang tidak dapat kami atasi, kami hanya berjaya lampirkan laporan ringkas ini, yang telah kami ubahsuai dan telah dikemaskini. Juga kami lampirkan adalah kronologi gerakan squat di Ungdomshuset, Copenhagen, Denmark. Artikel tersebut adalah terjemahan daripada majalah Rolling Thunder keluaran Crimethinc. Selain itu, kisah pasir dan petani di Kulon Progo, Indonesia boleh dijadikan contoh di Malaysia tentang bagaimana badan korporat akan merogol tanah milik rakyat dan bagaimana kita harus berjuang menentang mereka. Juga sedikit berita di Indonesia mengenai pengeboman mesin ATM Bank Negara Indonesia. Ruangan Teori dan Praktis akan kami sediakan untuk setiap isu. Untuk isu ini adalah Blok Hitam (Black Bloc.) Risalah ini tidak akan selesai jika kami tidak menyediakan tentang kisah perjuangan tempatan. Laporan perayaan May Day di Kuala Lumpur, sejarah Anarkisme di Malaya dan juga sedikit laporan mengenai rampasan Ladang Bukit Jalil telah kami sediakan.

Kami harapkan Bidas akan terus kekal sebagai media dalam menyampaikan berita-berita perjuangan di rantau ini. Kami berharap kami tidak akan berputus asa dan kami tidak akan kenal penat lelah dalam perjuangan. Kerana selagi wujudnya sistem hierarki, selagi itu wujudnya penentangan, wujudnya perjuangan.

Inilah masanya untuk bangkit dan lawan!





Artikel ini ditulis bukan kerana kami bersetuju dengan objektif pengajur, akan tetapi, apa yang paling mustahak adalah kami turut serta dalam protes ini sebagai tanda sokongan kami terhadap rakyat yang menentang penindasan daripada pihak berkuasa dan pemerintahan diktator kerajaan

Pada tanggal 9 Julai 2011, BERSIH (Gabungan untuk Pilihanraya Bersih dan Adil, ianya adalah gabungan sayap kiri, NGO-NGO dan grup aktivis yang mahukan perubahan dalam undang-undang pilihanraya) telah mengadakan satu perarakkan protes aman terhadap sistem pilihanraya, akan tetapi pihak berkuasa telah menukar bandaraya Kuala Lumpur menjadi negara polis. Semua laluan dan jalan utama telah ditutup, kedai-kedai dan bangunan pejabat juga telah ditutup atas nasihat pihak berkuasa selama hampir 16 jam. Segala bentuk pengangkutan awam seperti keretapi dan bas telah memberhentikan servis mereka hampir di seluruh bandar ini.

Beberapa minggu sebelum tanggal 9 Julai, media-media kerajaan dan korporat telah bertubi-tubi menyarankan rakyat Malaysia supaya tidak menyertai protes tersebut dan mereka menyebarkan propaganda menakut-nakutkan rakyat dengan menjadikan apa yang terjadi di Libya dan Mesir sebagai contoh. BERSIH dan pihak parti pembangkang dan juga badan-badan yang menyokong tidak pernah sekali pun menyatakan yang mereka mahu protes ini bertukar ganas, akan tetapi, PERKASA (organisasi fasis ala Nazi Jerman) telah menyatakan yang darah akan tumpah pada tarikh tersebut. Mereka juga menyatakan kepada media yang mereka akan menghantar ribuan pesilat ke Kuala Lumpur bagi menghadapi pertempuran yang sebenarnya omong kosong sahaja. Walaupun ketua-ketua PERKASA mengeluarkan kenyataan perkauman, tiada sebarang tindakan undang-undang telah diambil. Akan tetapi, beberapa anggota Parti Sosialis Malaysia telah ditahan atas akta Ordinan Darurat kerana semata-mata memakai baju yang tertera wajah Che Guevara, Chin Peng dan Shamsiah Fakeh. Kejadian ini telah banyak membuka mata masyarakat tentang ketidakadilan pihak kerajaan dalam melaksanakan undang-undang.

Polis telah meletakkan hampir 7,000 pegawai dan 3 unit helikopter. Pada malam sebelum tarikh tersebut, mereka mula mencari dan menahan penyokong protes aman tersebut di hotel-hotel dan di segenap lokasi di Kuala Lumpur dan sebelum perarakkan itu bermula, seramai 250 orang telah ditahan. Angka tersebut meningkat ketika perarakkan tersebut tamat kepada 1500 orang. Seorang peserta protes aman tersebut telah meninggal dunia akibat gas pemedih mata pihak polis di kawasan KLCC. Pihak polis walaubagaimanapun menyatakan peserta tersebut mati akibat masalah kesihatan dan bukannya daripada gas tembakan mereka.

Hampir semua ketua parti politik pembangkang dan organisasi lain ditahan sebelum perarakkan bermula. Tetapi peserta berjaya merancang perarakkan sesama mereka dan berarak dari Petaling Street dan Puduraya hingga ke KLCC. Hampir 20,000 hingga ke 40,000 rakyat berjaya turun menyokong perarakkan tersebut walaupun pihak kerajaan menyatakan hanya 6,000. Polis seperti yang kita sedia maklum telah menggunakan kekerasan dalam menangani protes aman ini.

Mereka telah menembak terus gas pemedih mata terhadap peserta protes tersebut dan menggunakan keganasan fizikal lain seperti menendang, dan mereka juga telah menembak terus ke hospital berhampiran ekoran peserta protes yang dikepung dan terpaksa melarikan diri ke dalam hospital. Walaupun untuk beberapa minggu seterusnya, pihak kerajaan dan polis terus menafikan kejadian tersebut, beberapa video dan pengakuan sendiri oleh pekerja hospital telah menceritakan segalanya.

Pada tarikh tersebut, ura-ura yang digembar-gemburkan oleh PERKASA yang mereka akan membawa 7,000 pahlawan mereka nampaknya tidak berhasil dan kepala mereka memberi alasan yang tidak munasabah pada keesokkan hari. Menyedari ketiadaan puak-puak PERKASA, peserta protes juga sempat menyanyi lagu dan melaungkan slogan anti-PERKASA.

Walaupun objektif perarakkan ini sebenarnya lebih memberi benefit kepada ahli politik pembangkang, tetapi untuk rakyat, objektif mereka untuk membuktikan kepada rakyat lain dan masyarakat dunia yang kebangkitan seperti ini tidak mustahil sama sekali dan mereka juga mahu membuktikan betapa kejam pihak kerajaan dan polis.





Laporan Perayaan MAY DAY 2011


Perayaan dan perarakan May Day atau di Malaysia lebih dikenali dengan nama Hari Pekerja telah berlangsung pada 1 Mei lepas. Seperti perayaan May Day di seluruh dunia, perayaan May Day di Kuala Lumpur dirayakan bertujuan untuk menuntut kembali hak kelas pekerja yang seperti kita semua sedia maklum, telah dirampas oleh golongan atasan dan golongan kapitalis.

Perayaan ini telah diusahakan oleh beberapa NGO hak asasi manusia, Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan juga golongan anarkis yang pada kali ini memainkan peranan penting dalam memobilisasi orang ramai. Sebulan sebelum perayaan May Day, Pustaka Semesta Infoshop dengan bantuan beberapa kolektif dan rakan-rakan lain telah mengadakan beberapa aturcara sebagai langkah memobilisasi orang ramai. Antaranya ialah dengan mengadakan tayangan filem percuma. Filem-filem tersebut ialah *20 Years Revolutionary 1st of May* (filem mengenai ulasan 20 tahun sambutan May Day di Berlin), *Fourth World War* (filem mengenai kebangkitan golongan pekerja, golongan petani dan kelas bawahan di Mexico, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Argentina dan Afrika Selatan) dan juga filem bertajuk *For Alexis* (filem kebangkitan rakyat Greece selepas polis membunuh remaja bernama Alexis Grigoroupoulos). Antara atucara lain ialah sesi pembuatan kain rentang protes, ikatan kepala May Day dan juga t-shirt May Day 2011. Selain daripada itu, rakan-rakan yang datang ke Pustaka Semesta Infoshop turut membincangkan mengenai taktik protes dan hal-ehwal berkaitan.

Seminggu sebelum perayaan May Day, flyers telah diedarkan kepada orang ramai dan poster-poster May Day telah ditampalkan di sekeliling Kuala Lumpur. Suruhanjaya 1 Mei, penganjur utama perayaan May Day di Kuala Lumpur telah mengeluarkan logo perayaan mereka dengan perayaan tahun ini bertemakan *Harga Barang Naik, Gaji Bila Lagi?* menuntut hak gaji minima dikuat kuasakan di Malaysia. Bagi kami pula, perayaan May Day lebih kami tumpukan mengenai masalah-masalah akar umbi yang belum selesai seperti kondisi pekerja yang teraniaya, kejahatan kapitalis, penindasan terhadap imigran, gentrifikasi, ketidaksamarataan dan perkauman. Tempat berkumpul telah ditetap di mana Stesen Monorel Chow Kit menjadi pilihan dan masa berkumpul ialah pada jam 10.30 pagi. Mengikut andaian kami, Chow Kit dipilih berdasarkan lokasi yang strategik dan Chow Kit adalah kawasan yang didiami kebanyakkannya ialah golongan kelas bawahan dan imigran.

1 Mei 2011, Permulaan Seribu Peperangan

Beberapa rakan-rakan dari setiap pelusuk Lembah Klang, dengan berbekalkan semangat jitu dan keterujaan, mula turun menuju Kuala Lumpur dengan destinasi utamanya ialah Monorel Chow Kit. Beberapa langkah persiapan telah diambil seperti menulis nombor telefon orang-orang penting di badan, menyediakan kain rentang dan kami mula menghubungi komrad-komrad yang lain. Dalam perjalanan menuju ke Monorel Chow Kit, kami mendapat panggilan telefon daripada beberapa rakan lain yang beberapa peserta perayaan May Day telah ditahan polis di Monorel Chow Kit.



"Dah ramai kena tangkap, hati-hati." "Sial, mereka tengah ikut aku, jaga-jaga dengan SB. Mereka berada di sekeliling kita." "Buat selambe, jangan nampak mencurigakan." "Jangan datang sini, kami semua menghala ke Maju Junction. Jumpa di sana."

Kebanyakkan yang ditahan adalah dari Parti Sosialis Malaysia. Komrad-komrad yang lain walaubagaimanapun berjaya meninggalkan Monorel Chow Kit dan menuju ke tempat perhimpunan yang seterusnya iaitu di Maju Junction. Kami yang terlambat terus menukar perancangan dengan mengabaikan Monorel Chow Kit dan terus menuju ke Maju Junction memandangkan pihak polis telah mematahkan cubaan untuk merayakan May Day di Chow Kit. Ketibaan kami di stesen berhampiran Maju Junction disambut oleh puluhan anggota polis yang menutup jalan-jalan utama. Dengan berpakaian ala orang awam yang sedang menghayati hari minggu kami menuju ke Maju Junction dan berjaya melepasi beberapa anggota polis yang terpacak sambil mengawasi dan memerhatikan kelakuan orang ramai.

Setibanya kami di Maju Junction, kami dapati puluhan peserta protes sedang berkumpul sambil memegang kain rentang dan sepanduk dengan tertera suara-suara amarah mereka terhadap kejahatan kapitalis, polis dan kerajaan dan menuntut hak mereka. Apa yang kami perhatikan, kebanyakkan mereka mengenakan pakaian merah dan kebanyakkan mereka juga datang dari PSM. Kami kemudian telah diberitahu mengenai beberapa infomasi mengenai penangkapan dan situasi keadaan ketika itu. Kebanyakkan peserta perayaan ditahan di Monorel Chow Kit dan selebihnya ditahan di Maju Junction. Selepas nyanyian lagu *Internationale*, kami yang kurang berminat dengan lagu tersebut kerana *A las Barricadas* lebih membakar semangat, terus menukarkan diri menjadi segerombolan serigala hitam. Serigala hitam yang mencetuskan semangat kebangkitan revolusi dan perjuangan di Athens, di Copenhagen, di Jerman, di London baru-baru ini dan di Seattle pada 1999, kini muncul di Kuala Lumpur, walaupun hanya belasan orang. Kain rentang terus dibentang, ikatan kepada diedarkan. Kritikan kami terhadap kapitalis, perjanjian FTA dan mesej anti-bekerja kami agak pedas bagi orang ramai, tetapi mereka faham yang kami lebih suka berterus-terang dan jujur dalam mengeluarkan suara kami.

Kemudian, sesi fotografi bermula. Media mula rancak mengambil foto-foto peserta dan kami kemudian menghala kain rentang kami mengadap jalan utama, supaya mesej yang kami mahu sampaikan berjaya disampaikan kepada umum. Menunggu saat bilakah perarakkan akan bermula, kami diberitahu yang solidariti protes akan dibuat di Balai Polis Dang Wangi memandangkan tahanan-tahanan perayaan May Day dibawa ke sana. Kami mengambil peluang ini untuk berarak. Puluhan polis sedang berkumpul memerhatikan kami semasa kami melepasi satu persimpangan. Kain rentang disembunyikan kerana itu akan dijadikan mereka untuk menangkap kami. Jika tertangkap dengan kain rentang, kami semua boleh didakwa mengikut Akta Hasutan dan ISA adalah jawapannya. Kami kurang pasti mengenai hal ini, tetapi memandangkan undang-undang ini ciptaan mereka, mereka sudah pasti boleh menggunakannya mengikut sesuka hati mereka ke atas sesiapa sahaja yang mengancam status kelas mereka. Selepas persimpangan tersebut target utama kami muncul; Starbucks Coffee. Sudah lama kami idamkan saat-saat ini, akan tetapi beberapa anggota didapati berada berhampiran kedai kopi tersebut dan mereka sentiasa tidak lekang memerhatikan kami, segerombolan serigala hitam ini. Mereka bagaikan sudah menduga, kedai kopi tersebut akan menjadi target.

Melepasi tempat berkumpul anjing-anjing ini,



kami menyusuri jalan utama.

"Line clear!" ujar seorang teman dan kami kemudian terus membentangkan kain rentang sambil menyusuri jalan tersebut, yang sesak dengan kenderaan, menuju Balai Polis Dang Wangi.

Cuaca panas terik serta bahang yang datang dari kenderaan-kenderaan bermotor langsung tidak menjejaskan perarakkan kami. Tidak sampai 5 minit berarak, kami tiba di balai polis tersebut.

"Tengok belakang, anjing-anjing tengah datang." "Lipat kain rentang cepat, sembunyi cepat. Nanti mereka rampas, nanti mereka tangkap." "Celaka!"

Tanpa kami sedari, anjing-anjing ini telah mengekori kami. Kain rentang berjaya disembunyikan akan tetapi kami lambat cuma untuk beberapa saat. Salah seorang polis sedar salah seorang daripada kami telah menyembunyikan kain rentang. Polis tersebut memberhentikan individu tersebut dan memeriksanya dan mendapati rakan kami itu memiliki kain rentang. Tanpa sebab yang munasabah, komrad kami terus ditangkap dan dibawa masuk ke Balai Polis Dang Wangi tersebut.

"Kamu ditahan kerana menyertai perhimpunan haram!" "Kamu ni menyusahkan orang awam." "Kamu takde kerja lain ke ha?" "Kamu buat benda ni untuk apa, nak jadi glamor, nak masuk t.v?" "Aku belasah jugak kau ni, menyusahkan aku!" "Muka kau ni sedap je kalu makan penumbuk aku." "Kerana kamu dengan kawan-kawan, jenayah kat luar sekarang ni kami terpaksa abaikan." "Kenapa tutup muka, kenapa pakai serba hitam?" "Apa maksud A dengan E tu. Nama group korang ke?"

Beberapa soalan telah diajukan tetapi komrad yang ditahan memilih untuk berdiam diri. Dia dibawa ke bilik sisatan dan kemudian bermacam soalan diajukan beserta dengan sesi "cuci otak." Komrad tersebut dihubungi oleh beberapa rakan dan peserta perayaan yang lain untuk memastikan komrad kami tersebut berada dalam keadaan selamat.

Kami yang tidak ditahan kemudian dihalau oleh nyalakkan puluhan anjing untuk bersurai daripada membuat protes solidariti di depan balai di Dang Wangi. Selang beberapa minit, kami dapati satu trak polis yang membawa peserta perayaan May Day keluar dari balai tersebut. Tetapi kami dapati, komrad kami tiada di dalam. Kami mulai risau. Kemudian kami mendapat berita yang komrad kami tersebut akan dibawa ke Ibu Pejabat Polis H.S. Lee bersama peserta perayaan lain yang ditahan. Tanpa berlengah, kami terus menuju ke sana untuk membuat solidariti protes.

Selepas beberapa jam dalam bilik tahanan, komrad kami telah dibawa ke Ibu Pejabat Polis H.S. Lee dengan kereta peronda. Seperti juga di dalam bilik tahanan, sesi "cuci otak" berlanjutan hingga ke dalam kereta.

"Mana kawan-kawan kamu? Semua hilang, balik rumah masing-masing, tinggalkan kamu. Padan muka," ujar polis kepada komrad tersebut. Akan tetapi, beliau cukup pasti, komrad yang lain tak akan berbuat demikian.

Setibanya rakan kami yang ditahan tersebut di balai H.S. Lee, dia mendapati puluhan peserta yang lain sedang berkumpul di hadapan balai polis.

"Ya, protes solidariti telah bermula. Nampaknya mereka tak balik rumah." "Diam lah kau. Banyak cakap pulak."



Beliau kemudian dibawa ke lokap sebelum penyataan diambil. Di lokap, dia mendapati, seramai 20 peserta lain yang ditahan turut berada di dalam. Kebanyakkan yang ditahan adalah dari Parti Sosialis. Komrad yang ditahan berasa lega dia ditahan dan diletakkan di dalam lokap bersama komrad haluan kiri. Dia terus membayangkan bertapa bosannya jika dia diletak di dalam lokap bersama fundamentalis PAS mahupun ahli Parti Keadilan. Ketika di dalam, para sosialis dan Marxis bertanyakan khabar kepada komrad kami dan ada dikalangan mereka yang mengenalinya memandangkan golongan bendera merah dan bendera hitam pernah bertemu sebelum ini di beberapa demonstrasi dan di beberapa acara yang lain.

Kami yang berada diluar mendapat berita yang komrad kami yang ditahan berada dalam keadaan selamat. Infomasi komrad kami yang ditahan mula tersebar di internet terutamanya di laman sosial. Mereka yang berada berjauhan memilih untuk bersepakat menelefon balai tersebut mendesak pembebasan ke semua tahanan kerana tiada alasan atau sebab kukuh mereka ditahan. Kemudian kami diberitahu yang selepas cap jari dan foto diambil, tahanan semua akan dibebaskan. Selang beberapa minit, penyataan mula diambil. Semua 21 yang ditahan memilih untuk menjawab semua soalan yang diajukan di mahkamah. Kemudian, mereka semua kembali dibawa ke lokap. Kemudian, cap jari dan foto tahanan di ambil dan ketika itu, peserta protes solidariti mula hilang sabar atas usaha polis memperlambatkan proses pembebasan tahanan. 21 tahanan tersebut telah ditahan hampir 7 jam. Peserta protes solidariti mula melaungkan slogan-slogan mengherdik polis dan mula menyanyikan lagu-lagu perjuangan. Tahanan di dalam berasa terharu, polis pula mula berasa malu. Hampir satu jam kemudian, hujan mula turun.

"Ah..habis, hujan lah pulak," ujar yang berada diluar. *"Bagus pun hujan. Nanti senyaplah semua kat luar tu,"* ujar anggota polis pula. Akan tetapi, tahanan dan polis mula merasa terkejut dengan apa yang mereka dengar.

Hujan lebat yang turun tidak sedikit pun melunturkan nyayian dan laungan peserta protes solidariti. Makin lebat hujan, makin kuat nyanyian, laungan. Polis yang meramalkan peserta diluar akan diam ketika hujan lebat, mula merasa malu buat kali kedua apabila dia diherdik pula oleh tahanan. Kami tidak akan berganjak, tidak gentar dengan betapa lebat hujan yang turun. Selagi tahanan di tahan, kami akan terus berada disini, menyanyi, menari dan menjerit.

Protes solidariti pada hari tersebut begitu mengagumkan. Tidak banyak atau mungkin tidak pernah kami lihat protes solidariti sebegitu hebat. Hujan dan desakan polis untuk bersurai tidak diendahkan. Semangat perjuangan tahanan makin bertambah kuat apabila mereka mula turut serta menyanyi walaupun lokap mereka mula dimasuki air akibat kondisi lokap yang teruk. Jam 7 lebih, dengan hujan seakan-akan tidak mahu reda, malah makin lebat, kami yang berada diluar mendapati beberapa polis menuju ke lokap tersebut, dimana kedudukan lokap tersebut berada di bahagian luar balai. Kami perhatikan, pintu lokap mula dibuka. Akibat desakan peserta protes solidariti dan rakan-rakan yang lain yang menelefon balai tersebut, pihak polis akhirnya melepaskan ke semua tahanan. Kami yang berada diluar telah basah kuyup menyambut pembebasan tahanan dengan laungan slogan-slogan dan juga nyanyian lagu-lagu perjuangan. Keadaan diluar balai ketika itu bagaikan satu parti telah dilangsungkan.

Secara keseluruhannya, perayaan May Day 2011 di Kuala Lumpur boleh dianggap satu ke-

jayaan walaupun pelbagai usaha telah diambil oleh pihak polis atas suruhan kerajaan dan kapitalis untuk mematahkan perayaan ini. Kami mendapat berita yang di tempat lain sekitar Kuala Lumpur, perayaan May Day turut disambut. Di kawasan Bukit Bintang, pekerja-pekerja bank turut merayakannya dengan menghentam majikan mereka, begitu juga dilokasi lain yang mana wakil-wakil kelas pekerja turut menyambut perayaan ini. Walaupun tiada siapa yang ditahan di lokasi lain. Sedar atau tidak ini merupakan satu lagi kemenangan bagi kita semua dan satu kekalahan yang memalukan untuk golongan kapitalis, polis dan kerajaan. Di harap budaya protes solidariti seperti akan terus dibawa dan diteruskan. Jumpa kalian lagi di barikad!

SUATU HARI NANTI ANJING-ANJING INI AKAN DISEPAK



AKAN DIPIJAK



LAPORAN RAMPASAN LADANG BUKIT JALIL

Pada 15 Mac 2011 lepas, satu protes menentang rampasan tanah Ladang Bukit Jalil telah berlangsung di kawasan penempatan Ladang Bukit Jalil. Mengikut jadual DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur), pihak DBKL dengan bantuan pihak polis akan merampas tanah tersebut dan merobohkan rumah-rumah bekas pekerja ladang pada tarikh ini.

Kami tiba di ladang tersebut seawal jam 8 pagi dan setibanya kami, kami perhatikan penduduk ladang tersebut sedang berkumpul bersama-sama dengan beberapa ahli Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan juga beberapa ahli NGO lain. Apa yang kami perhatikan, barikad-barikad telah dibina di jalan-jalan utama untuk menyekat atau menghalang kemasukan kenderaan berat milik pihak berkuasa. Beberapa banner protes juga telah digantung dan beberapa individu memegang sepanduk protes.

Beberapa NGO yang turut serta dalam protes tersebut ialah Hindraf, Komas, Suaram, Jerit dan lain. Protes ini juga disertai oleh gerakan pelajar. Selang beberapa minit kemudian, ahli politik dari Parti Keadilan Rakyat tiba dengan gaya bourgeois mereka dan mereka bagaikan dikelilingi oleh pengawal keselamatan masing-masing dengan muka ketat dan berbaju kot.

Sementara menunggu ketibaan lori dan jentolak DBKL, beberapa wakil dari setiap NGO dan parti politik mula memberi ucapan. Kami agak sedikit terkilan apabila wakil daripada Parti Keadilan Rakyat bagaikan cuba meraih simpati supaya penduduk mengundi mereka di pilihanraya depan. Cukup menghairankan mengenai niat mereka. Adakah mereka datang mahu mempertahankan hak masyarakat yang dicabuli ataupun mahu datang untuk cuba berkempen pilihanraya. Mereka tak ubah seperti ahli politik kerajaan Barisan Nasional. Cuma situasi yang berbeza.

Kemudian wakil dari Hindraf mula berucap dengan menyatakan pendirian mereka yang kerajaan Barisan Nasional pimpinan United Malay National Organisation (UMNO) cuba melakukan menghapusan etnik India. Mereka keliru sebenarnya. Ladang Bukit Jalil bukan 100% didiami oleh kaum etnik India. Ia juga didiami oleh kaum etnik Melayu. Wakil dari Parti Sosialis Malaysia kemudian ketika berucap cuba memperbetulkan keadaan dengan menyatakan ini bukan penghapusan etnik India kerana sejarah telah memberitahu yang pihak Barisan Nasional telah pernah merobohkan penempatan kaum etnik Melayu dan Cina dan juga kaum etnik yang lain. Pihak Parti Sosialis memberi penerangan yang ianya terjadi kerana secara semulajadinya, pihak kerajaan Barisan Nasional akan menidakkan hak kelas bawahan dan memberikan hak tersebut kepada kelas atasan.

Jam 11 jam 11 pagi, DBKL dan pihak polis masih belum muncul dan lebih setengah jam kemudian, wakil dari Majlis Peguam mengumumkan yang pihak DBKL tidak akan membuat rampasan tanah tersebut. Ini kerana pihak DBKL telah mendapat notis daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dimana pihak mahkamah akan menentukan permohonan injuksi daripada penduduk Ladang Bukit Jalil terhadap DBKL pada tanggal 10 Mei.

Hakim Zabariah Mohd Yusof berkata demikian selepas mempengerusikan pendengaran dari kedua-dua belah pihak pagi itu.

Pada 1 Mac lepas, 41 keluarga yang mendiami bekas tanah estet itu telah menerima surat notis rampasan oleh pihak DBKL, mengarahkan mereka keluar dari kawasan tersebut dalam tempoh dua minggu. Notis dari mahkamah menidakkan perancangan DBKL.

Berdasarkan berita yang kami terima, pihak DBKL ada berkata yang 41 keluarga yang menetap di estet gagal memberi sebarang bukti

yang mereka adalah bekas pekerja estet tersebut. Oleh yang demikian, pihak DBKL menghantar notis rampasan di bawah Ordinan Darurat (Emergency Ordinance).

Sekitar jam 1 petang, beberapa orang mula berganjak pulang dan kami bersama penduduk Ladang Bukit Jalil berjaya memenangi satu kemenangan kecil. Walaubagaimanapun, kes ini masih belum selesai dan perjuangan ini masih belum tamat.

Untuk pengetahuan semua pembaca, penduduk Ladang Bukit Jalil sentiasa dengan hati terbuka menerima mana-mana individu atau kolektif atau kumpulan yang mahu menganjurkan apa jua aturcara untuk komuniti ladang tersebut. Penayangan filem, diskusi, workshop atau sebarang aksi berkaitan amat dialukan. Jika ada dari rakan-rakan atau kolektif kamu berminat, boleh email ke Kudeta Kolektif kudeta@riseup.net dan bersama-sama kita jayakannya. Untuk infomasi lanjut mengenai rampasan tanah Ladang Bukit Jalil, sila layari www.parti-sosialis.org atau www.malaysiakini.com/bm atau melalui Facebook, cuma taipkan 'Justice for Ladang Bukit Jalil' di kotak carian.

Indonesia – Pecahan International Conspiracy For Revenge bertanggung-jawab ke atas pengeboman mesin ATM.

Bandung, Indonesia – Pecahan International Conspiracy For Revenge baru-baru ini telah bertanggung-jawab ke atas pengeboman mesin ATM Bank Negara Indonesia dengan menyebarkan risalah mengenai tindakan mereka. Isi kandungan risalah tersebut seiras dengan risalah di Makassar dan Manado menyatakan:

"PT Indo Mining (Bima) dengan secara kejam telah menindas penduduk tempatan. Jogja Magasa International mahu merampas tanah dan menghalau 30,000 petani di Kulon Progo. Para petani di Takalar juga turut menghadapi masalah yang sama apabila tanah mereka ingin dirampas. Mereka telah menggunakan tindakan yang kejam dengan menembak, mengganas, membuat gangguan seksual dan juga pelbagai tindakan kejam telah berlaku dan lanya tidak akan didengari di media-media utama.

Ianya tidak mengejutkan kerana syarikat-syarikat kapitalis-birokat tidak mempedulikan hal lain melainkan poket mereka sendiri.

Serangan kami ke atas ATM (bank) adalah target yang penting, kerana bank sentiasa terlibat dalam membekalkan wang dan mereka menindas manusia atas nama kapital! Kami tidak berniat untuk mencederakan sesiapa dan pemusnahan harta benda adalah bukan keganasan! Tidak akan ada belas kepada penindas! Tidak akan ada belas untuk Negara dan Kapitalisme!"

Moga Perang Sosial makin memuncak dan kami lupa untuk menyebut komrad-komrad di Greece, Itali atau di mana sahaja, tetapi kalian tahu yang hati kami tetap dengan kalian.
Got Ist Tot – Free Association of Individualist-Communists (Persatuan Bebas Individualis-Komunis).

Penghormatan: Revolutionary Organisation – Conspiracy of Cells of Fire. The Revolutionary Struggle. The Chilean insurrectionists. Giannis Dimitrakis dan Polykarpos Georgiades, kalian tetap di hati kami!

Panjang Umur Perjuangan dan kebebasan. Solidariti RO-FAI, Seksyen Indonesia.

Sumber:
sysiphus-angrynewsfromaroundtheworld.blogspot.com/2011/07/bandung-indonesia-cells-of.html
a dengan hati terbuka

ANARKISMO MALAYA

Penulisan ini adalah terjermahan dari tulisan Prof Datuk Khoo Kay Kim dan Ranjit Singh Malhi.

Anarkis kaum Cina pemula Kesatuan Sekerja

Artikel oleh K. Baradan mengenai Manusia Yang Memberi Segalanya Untuk Keadilan di dalam The Star 31 Ogos 1993 amatlah menarik.

Ianya adalah untuk pertama kali orang ramai telah diberitahu mengenai peranan pentadbiran British dalam membentuk gerakan kesatuan sekerja di Malaya. Individu yang terlibat secara terus dalam membentuk dan menubuhkan kesatuan sekerja adalah John Brazier.

Baradan menyatakan yang seawal 1949, Sir Henry Gurney (Pesuruhjaya Tinggi yang dibunuh berhampiran Bukit Fraser pada 1951), mahu gerakan kesatuan sekerja diuruskan oleh kaum etnik India. Ia boleh dianggap jawapan kepada persoalan yang sudah lama diutarakan di negara ini, iaitu "Mengapa kaum etnik India agak mendominasi kesatuan sekerja?"

Jawapan yang selalu diberi adalah kaum etnik India lebih suka bercakap dan ia lebih mudah untuk kesatuan sekerja. Ianya hampir sama dengan jawapan Harry Miller mengenai soalan "Mengapa gerakan komunis di negara ini didominasi oleh kaum etnik Hainan?" Jawapan Miller adalah kerana mereka mempunyai rasa rendah diri. Ini tidak lebih dari sekadar perbualan kedai kopi.

Sebenarnya, kaum etnik India bukan antara yang terawal dalam mengerakkan gerakan kesatuan sekerja di negara ini. Kaum etnik Cina adalah yang terawal. Aktiviti gerakan kesatuan sekerja bermula selepas Perang Dunia Pertama.

Mereka diketuai oleh satu kumpulan kaum etnik Cina yang berasaskan ideologi anarkisme. Tidak mengejutkan, ianya dibawa ke negara ini dari negara Cina.

Di negara Cina, individu yang dikenali dengan gelaran "Bapa Anarkisme" adalah Liu Shih-fu (juga dikenali dengan nama Lau Sze Fuk).

Pada 1912, dia telah menubuhkan organisasi anarkis di Canton, Cina, yang dipanggil Cock-Crow Society (Hui-ming hsueh-she) yang telah menerbitkan majalah Min-Sheng (Suara Rakyat) atau lebih dikenali di negara ini sebagai Man Seang (dialek Kantonis). Versi edisi Bahasa Perancis pula telah diberi tajuk La Voco de la Popolo.

Pada 1914 di Shanghai, Liu Shih-fu telah menubuhkan Persatuan Komrad Anarko-Komunis yang turut dikenali dengan nama Parti Anarkis Cina yang mana, dalam bahasa Cina Wu-cheng-fu Tang, (dalam Kantonis, Mo Cheng Fu Tong), bermaksud, "Parti Tidak Berkerajaan". Ia menerangkan konsep anarkisme dalam bentuk yang amat mudah.



Perintis Anarkisme Cina Liu Shih-Fu

Parti Anarkis telah ditubukan di Malaya pada 1919 dan berikut merupakan objektif mereka:

"Kebebasan, Kesamarataan, Persaudaraan, Komuniti Barangan, Ko-operasi; setiap orang boleh membuat apa yang boleh dan mengambil apa yang mahu: tiada kerajaan, undang-undang atau kuasa militari, tiada tuan tanah, kapitalis atau kelas atasan. Tiada mata wang, agama, polis, penjara atau ketua. Tiada perwakilan, ketua keluarga, tiada individu tak terpelajar atau penganggur; tiada peraturan perkahwinan, tiada darjat tertinggi atau terendah, miskin atau kaya, dan kaedah yang diguna pakai diberi oleh organisasi komrad-komrad mengikut cara pusat komunikasi, risalah propaganda, ucapan dan pelajaran, mengikut resistansi pasif kepada mereka yang memegang kuasa. Jangan membayar cukai, berhenti bekerja, berhenti berdagang; dengan berpegang kepada aksi langsung (direct action), Jangan takut membunuh dan bikin kacau. Anarki adalah revolusi yang nyata."

lanya jelas dari berbagai terma yang telah digunakan oleh gerakan di negara ini yang ianya diterajui oleh kaum etnik Kantonis. Salah satu perintis gereakan ini di Malaya adalah Lau Hak Fei, Sebelum datang ke Kuala Lumpur dimana beliau menjadi editor untuk akhbar Yik Khwan Po, beliau merupakan editor untuk akhbar di Manila, Filipina.

Pada 1920, masyarakat anarkis telah wujud di Singapura, Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur dan Seremban. Beberapa sekolah Cina telah menjadi pusat penting untuk aktiviti gerakan.

Gerakan anarkis di negara ini bagaikan telah menerima dorongan awal daripada demonstrasi 1 Mei 1919. Berdasarkan kenyataan gerakan anarkis di Malaya, ia menyatakan:

"Pada 1 Mei 1919, pelajar-pelajar Peking mula menyebarkan ribuan roti yang diberi nama roti "Buruh Suci" kepada penduduk di bandar tersebut. Pada masa yang sama juga di Shanghai, ribuan kaum pekerja dan pelajar mengadakan perarakkan besar jalanan. Dan gerakan yang penuh semangat ini telah meninggalkan kesan yang cukup besar hingga ke Nanyang dan seluruh negara. Ramai masyarakat miskin di Nanyang telah mula bangkit dan untuk pertama kalinya mereka mula tahu kewujudan hari untuk kelas bawahan iaitu May Day (Hari Pekerja)."

Disebabkan kepentingan yang lebih berpengaruh di kalangan kaum pekerja, prinsip utama gerakan ini dalam mencari rekrut adalah tertumpu kepada beberapa persatuan sekerja, yang mana telah lama wujud di negara ini.

Golongan anarkis menganggap 1 Mei sebagai hari penting bukan sahaja kerana ianya simbolik kepada perjuangan pekerja dan kelas bawahan menentang kapitalisme tetapi juga kerana signifikasi tarikh tersebut terhadap semua gerakan revolusi secara umum.

Di negara ini, May Day pertama kalinya disambut dengan penuh semangat oleh para anarkis di Ipoh pada 1921. Satu perjumpaan besar diadakan yang mana ianya dihadiri oleh golongan pekerja dan pelajar.

Pada tahun berikutnya mereka cuba menyebarkan ribuan risalah pada May Day tetapi perancangan mereka gagal kerana ketiadaan mesin pencetak pada saat terakhir.

Walaubagaimanapun, beberapa penerbitan risalah anarkis wujud di negara ini pada tahun tersebut. Antaranya Kung Sai Yam (Selamatkan Dunia), Kung Chan Tong (Parti Komunis) dan Moral Anarkis oleh Peter Kropotkin.

Beberapa risalah juga telah dicetak dan diterbit oleh anarkis Malaya seperti Tai Yeung (Matahari) telah dicetak di premis Yik Khwan Po di Kuala Lumpur dan Yan Kheun (Kuasa Proletariat) yang telah diterbit di Gopeng, Perak.

Gerakan anarkis di Malaya kemudian memasuki fasa yang lebih aktif pada 1924 apabila beberapa individu penting muncul, terutamanya di Kuala Lumpur.

Tetapi, tidak sampai 50 ahli tegar yang ada di Semenanjung. Pengaruh mereka hanya sampai kepada kebanyakkannya kaum etnik Cina, terutamanya guru sekolah.

Antara aksi yang besar pernah dilakukan oleh para anarkis Malaya berlaku pada 1925 apabila mereka cuba untuk membunuh Sir Laurence Guillemard yang merupakan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Gabenor Negeri-Negeri Selat.

Perancangan mereka gagal dan mereka kemudian menukar target mereka kepada Daniel Richards dari pertubuhan Pelindung Orang Cina di Selangor.



Sir Laurence Guillemard



Antara aksi yang besar pernah dilakukan oleh para anarkis Malaya berlaku pada 1925 apabila mereka cuba untuk membunuh Sir Laurence Guillemard

Pada 26 Januari 1925, seorang anarkis wanita bernama Wong Sau Ying, berumur 26 tahun, memakai jaket putih dan kemeja hitam, berstokin putih dan berkasut putih tiba di pejabat pertubuhan Pelindung Cina di Kuala Lumpur. Beliau membawa bersama beliau ialah beg kes kecil berwarna coklat mengadungi bom.

Beliau kemudian menemui Daniel Richards dan W.L. Blythe (pembantu Daniel Richards) dan kemudian memasuki pejabat tersebut dan mula bercakap dengan Richards.

Beliau kemudiannya tergelincir dan cuba membaling beg kes tersebut terhadap Richards dan kemudiannya bom dalam beg tersebut meletup. Daniel Richards dan W.L. Blythe terselamat tetapi keduaduanya cedera akibat letupan bom tersebut.

Wong Sau Ying kemudian ditahan dan menerima hukuman 10 tahun penjara. Ketika menjalani hukuman penjara di Penjara Pudu, Wong Sau Ying telah membunuh diri dengan menggantung dirinya.


Selepas kejadian pengeboman tersebut, gerakan anarkis Malaya mula tenggelam. Kemudian, golongan komunis mula memainkan peranan dalam menyatupadukan golongan pekerja dalam perjuangan menentang bos mereka dan juga kerajaan.

Sepanjang 1920-an dan 1930-an kaum etnik Cina antara yang paling aktif dalam kesatuan sekerja walaupun tidak mendapat kebenaran rasmi Malaya. Individu-individu penting yang kebanyakkannya adalah berhaluan kiri ditahan sekiranya mereka kelihatan berpengaruh.

Ianya hanya selepas Perang Dunia ke-2 dimana pihak kerajaan mula dengan dengan sengaja memberi polisi kepada etnik India untuk mengawal dan mengepalai kesatuan sekerja sebagai satu tindakan menangani pengaruh yang datang daripada radikal etnik Cina.

---

diterjemah dari akhbar The Sunday Star (Kuala Lumpur), 12 September 1993



PERANG DI

UNGDOMSHUSET

Kebanyakkan negara-negara Eropah mempunyai sekurang-kurangnya satu pusat sosial tinggalan dari era kegemilangan gerakan squat beberapa dekad yang lalu. Di Norway punyai Blitz, Austria pula EKH, di Jerman ada Kopi (Berlin) dan Rote Flora (Hamburg), di Slovenia pula punyai satu kawasan kediaman squat yang bernama Metelkova. Sejak beberapa tahun ini, kerajaan-kerajaan negara Eropah telah melancarkan beberapa serangan terhadap tempat-tempat tersebut manakala Ungdomshuset pula adalah antara yang pertama dirampas di bahagian utara Eropah dan anarkis-anarkis dan pihak berkuasa sedang memerhati dan menunggu adakah rampasan ini berjaya melumpuhkan api resistansi.



Kronologi Budaya Squat dan Penentangan di Copenhagen

1897 - November 12. Satu bangunan yang diberi nama "Folkests Hus" (Rumah Rakyat) telah siap dibina dan ianya dijadikan sebagai kubu dan ibu pejabat untuk gerakan-gerakan buruh. Untuk beberapa dekad seterusnya, Vladimir Ilyich Lenin dan Rosa Luxemburg pernah berucap di sini. Pada 1910, Second International telah mengadakan persidangan wanita antarabangsa di rumah ini dimana Clara Zetkin mencadangkan kewujudan Hari Wanita Antarabangsa. Beberapa demonstrasi bersejarah telah dirancang di Folkests Hus. Antaranya ialah demonstrasi besar pada 1918 apabila kaum buruh menyerang Stock Exchange. Pada lewat 1950-an, bangunan ini terus digunakan oleh union dan pertubuhan gerakan buruh sebagai tempat untuk beraktiviti seperti mengadakan perlawanan tinju dan majlis tarian.

1971 - September. Lima puluh aktivis telah berjaya menduduki(squat) kawasan militari lama di Christiana yang berkedudukan di pusat Copenhagen. Beberapa tahun kemudian, ianya menjadi tempat kediaman hampir ratusan orang.

1981 - Punk dan anarkis telah mewujudkan satu kumpulan yang dipanggil "inisiatif untuk rumah belia" sebagai tuntutan bagi mendapatkan ruang autonomi untuk golongan muda di Copenhagen. Permintaan mereka mengikut landasan undang-undang gagal apabila ianya ditolak oleh pihak kerajaan.

1981 - Oktober. Kilang roti terbiar bernama "Rutana" dan kilang getah terbiar bernama "Schionnng & Arve" telah di-squat. Pihak polis kemudian merampas kedua-dua bangunan dengan menggunakan gas pemedih mata dan juga kekerasan kejam. "Abel Catrine-stiftelsen" pula di-squat selepas itu, tetapi hanya untuk tempoh masa tiga bulan.

1982 - Mac. Bangunan tinggalan Musical Mechanic Museum dan bangunan terbiar bersebelahannya yang bernama "Sorte Hest" (Kuda Hitam) telah di-squat. Para "squatter" telah berikrar untuk berlawan habis-habisan untuk mengekalkan tempat ini. Pada musim bunga, lebih banyak rumah telah di-squat, termasuk "The Little Feather", "Bazooka" dan "Allotria".

1982 - Oktober 29-31. Majlis perbandaran telah memberi lampu hijau dengan menyediakan satu bangunan di Jagtvej 69 untuk gerakan squat. Ianya telah diberi oleh majlis penbandaran kepada satu kumpulan yang dipanggil "pengguna Ungdomshuset." Ketika datuk bandar muncul pada majlis pembukaan, squatter Ungomshuset telah menyimbah satu baldi air ke atas kepalanya di hadapan puluhan wartawan. Untuk beberapa tahun seterusnya, Nick Cave dan Bjork serta ramai lagi pernah membuat persembahan di bangunan tersebut. Bangunan tersebut terus menerus digunakan oleh ratusan orang untuk pertunjukkan teater, upacara makan malam, mesyuarat, diadakan bar dan mengendalikan bermacam-macam persembahan muzik.

1983 - Januari. Segerombolan polis telah menyerbu squat "Allotria" tetapi kecewa bila mendapati bangunan tersebut sudah kosong. Untuk beberapa bulan, squatter "Allotria" telah menggali terowong rahsia. Ketika kejadian, mereka menggantung banner "kami yang tentukan bila kami ingin lawan", dan memaki hamun pihak polis sebelum melarikan diri dan muncul di kedai paip seberang jalan dan kemudiannya melarikan diri menggunakan trak.

1983 - Ryesgade 46 dan 58 telah di squat selama tiga tahun ketika proses berunding dengan majlis perbandaran dan juga pemilik bangunan.



1986 - September 14. Satu protes besar-besaran telah diadakan bagi mengelak pihak polis dari merampas squat Ryesgade. Ratusan aktivis berpakaian kerja dan mengenakan topeng ski telah menewaskan pihak polis dalam beberapa siri pertempuran jalanan dimana satu barikad besar telah dibina. Ianya berterusan sehingga 22 September, apabila pihak kerajaan telah meminta bantuan dari pihak tentera Denmark.

1996 - Januari 27. Satu kebakaran telah berlaku di Ungdomshuset dan bangunan tersebut telah mengalami kerosakkan. Ianya berjaya di renovasi melalui kerja-kerja sukarelawan dan derma.

1996 - May 6. Pihak perbandaran telah bersetuju untuk menutup Ungdomshuset.

1999 - June 17. Tujuh aktivis Ungdomshuset telah mengambil alih siaran berita stesen televisyen nasional, kemudian menconteng slogan di papan belakang set dengan menggunakan spray paint. Selepas beberapa minit, program berita tersebut tertera "masalah teknikal" di kaca televisyen.

2000 - Januari 26. Pihak perbandaran telah mengisytiharakan status bangunan Ungdomshuset adalah untuk dijual. Para squatters kemudian menggantung banner di hadapan bangunan tersebut yang tertulis "Untuk dijual, bersama 500 autonomis yang suka membaling batu, berpenyakit mental yang ganas dari neraka."

2000 - November 16. Pihak perbandaran telah menjual bangunan tersebut kepada syarikat korporat bernama HUMAN A/S.

2001 - September 28. Satu bahagian ekstremis Kristian dari Faderhuset ("Rumah Bapa" atau "Rumah Tuhan") telah mengambil alih dari HUMAN A/S selepas ketua paderi Faderhuset telah bermimpi yang Tuhan telah mengarahkannya untuk menghancurkan dan menghampuskan Ungdomshuset dengan apa jua cara sekalipun Para squatters tetap dengan pendirian untuk tidak mengambil peduli mengenai hal penjualan dan pembelian bangunan tersebut. Mereka juga tidak akan melabel pemilik bangunan tersebut sebagai "tuan" dan berkeras untuk tidak sesekali membenarkan "pemilik" bangunan masuk ke dalam bangunan tersebut. Maka, perang antara Rumah Bapa dan Rumah Belia bermula!

2003 - Faderhusset menyaman penghuni dan pengguna Ungdomshuset dan berkeras untuk merampas bangunan tersebut.

2004 - Mahkamah menyebelahi Faderhusset. Pengguna Ungdomshuset kemudiannya membuat rayuan.

2006 - Rayuan di mahkamah gagal.

2006 - May 11. Protes untuk Ungdomshuset.









2006 - June 22-25. Ungdomshuset menganjurkan K-town Festival dan "Bike Wars" yang berjaya mendapat sambutan hebat.

2006 - September. Satu dana bernama "Jagtvej 69" telah ditubuhkan oleh masyarakat Denmark yang bersimpati terhadap squatters, bertujuan untuk membeli bangunan Ungdomshuset dari Faderhusset dan menyerahkannya kembali kepada squatters. Faderhusset tidak mahu menjual bangunan tersebut. Percubaan untuk membeli buat kali terakhir dibuat.

2006 - September 23. Protes berarak dari Ungdomshuset ke Christiania.

2006 - September 24. Protes jalanan untuk Ungdomshuset.

2006 - Oktober. Mahkamah menetapkan penghuni mesti meninggalkan bangunan tersebut sebelum 14 Disember. Percubaan terakhir untuk rayuan ditolak. Ketua polis berjanji tiada percubaan untuk merampas bangunan itu pada tahun tersebut, iaitu 2006. Ungdomshuset meminta bantuan dan pertolongan dari serata dunia.

2006 - Oktober 22. Pengguna Ungdomshuset melawat ibu pejabat Faderhusset.

2006 - Oktober. Ungdomshuset menyambut ulangtahun yang ke-24

2006 - Disember 12. Dana "Jagtvej 69" beberapa kali telah cuba untuk membeli bangunan tersebut dari Faderhusset mengikut harga pasaran tetapi ditolak oleh Faderhusset secara bulat-bulat. Ini bukan sahaja mengejutkan pengguna Ungdomshusset, malah media korporat kapitalis pun turut terkejut dengan keputusan gereja tersebut.

2006 - Disember 14. Ribuan manusia turun padang untuk menyertai protes besar-besaran untuk lebih banyak ruang otonomi di Copenhagen.

2006 - Disember 14. Satu stesen radio haram berpusat di dalam Ungdomshuset memulakan operasi penyiaran mereka.

2006 - Disember 16, petang. Satu demonstrasi tanpa permit telah dibuat oleh Ungdomshuset. Masyarakat dari setiap pelusuk dunia turun untuk menyertainya. Mereka hanya bergerak sejauh beberapa meter sebelum pihak polis anti-rusuhan menyerang mereka mengakibatkan berlaku pergaduhan atau peperangan untuk berjam-jam. Seramai 273 individu ditahan ketika









rusuhan tersebut.

2006 - Disember 29. Datuk bandar menyarankan yang Ungdomshuset dipindahkan ke Christiania yang berkedudukan di tengah Copenhagen. Walaubagaimanapun, ianya ditarik balik kerana tiada bangunan kosong di kawasan tersebut.

2007 - Januari 3. Faderhusset mendapat lampu hijau untuk meruntuhkan bangunan Ungdomshuset.

2007 - Januari. Puak liberal mengadakan protes anti-Ungdomshuset. Puak Nazi pula turun menyertai protes tersebut. Pergaduhan tercetus antara mereka dengan penyokong Ungdomshuset.

2007 - Januari 8. Datuk bandar mencadangkan yang Ungdomshuset dipindahkan ke bangunan balai bomba lama yang dimiliki oleh pihak kerajaan pusat. Cadangan tersebut walaubagaimanapun ditolak oleh kerajaan pusat.

2007 - Januari 13. Satu rumah telah di-squat di Dortheavej, yang berkedudukan tidak jauh dari Ungdomshusset. 48 jam kemudian, ianya dirampas oleh pihak polis.

2007 - Febuari 3. Satu rumah di Grondalsvenge pula di-squat tapi dirampas kembali pada hari yang sama.

2007 - Febuari 16. Kesesakkan lalu-lintas berlaku di awal pagi berpunca daripada peserta protes menghadang jalan dengan kain rentang untuk Ungdomshuset.







2007 - Mac 1, jam 7 pagi. Pihak polis dan militari berunifom menyerang Ungdomshuset dalam satu operasi polis terbesar dalam sejarah Denmark. Enam anggota polis diturunkan melalui helikopter Navy ke atas bumbung Ungdomshuset dan melepasi pagar kawat besi yang didirikan oleh penghuni Ungdomshuset. Kemudian, dua kren yang dipenuhi oleh polis anti-rusuhan telah diangkat supaya mereka boleh masuk ke dalam bangunan Ungdomshuset melalui tingkap di tingkat 2 dan tingkat 3. Sementara itu, alatan pihak bomba dari lapangan terbang Copenhagen diguna. Mereka menyembur seluruh bangunan tersebut dengan buih busa(foam) dalam kuantiti yang banyak untuk mengaburi penglihatan dan sebagai langkah untuk menghindari penggunaan molotov cocktail. Kumpulan polis yang terakhir pula memasuki bangunan tersebut dengan memecahkan dinding melalui bangunan sebelah. Pihak polis memberitahu yang mereka mengambil masa hanya lima minit untuk merampas bangunan tersebut tetapi yang sebenarnya mereka memerlukan empat puluh minit untuk merampas bangunan itu sepenuhnya dan menahan tiga puluh lima individu yang berada di dalam bangunan tersebut. Sejam kemudian, dalam seratus orang telah berkumpul dan rusuhan telah berlaku. Sejam selepas itu pula, seramai 1500 telah muncul dan barikad dibina di setiap kawasan, termasuk barikad api. Kumpulan bernama Feminists For More Free Space berjaya membina dua belas barikad dan satu lagi barikad di belah petang hari tersebut.

2007 - Mac 1, jam 5 petang. Satu perarakan bergerak menuju bangunan di Jagtvej 69 dan kemudian, berlaku rusuhan terbesar dalam sejarah Denmark. Aktivis menghadang jalan dan membakar kereta-kereta untuk menghalang dari trak dan van polis masuk ke dalam kawasan mereka. Pihak polis menggunakan gas pemedih mata manakala perusuh membalas menggunakan molotov cocktails, batu dan botol. 217 ditahan pada hari tersebut.

2007 - Mac 2. Satu kumpulan manusia bertindak untuk meng-squat ibu pejabat parti politik datuk bandar. Polis mendapatkan bantuan anggota dari seluruh negara. Mereka juga terpaksa meminjam trak dan van polis dari polis Sweden dan Belanda kerana kebanyakkan trak dan van polis Denmark sudah rosak akibat rusuhan. Malam tersebut, dalam 2000 manusia cuba untuk merampas kembali Ungdomshuset. Barikad disediakan dan trak serta van polis dibakar apabila polis mula menyerang mereka. Rusuhan tersebut merebak ke bahagian lain bandaraya Copenhagen dan 188 individu ditahan.

2007 - Mac 3. Polis menyerbu tempat-tempat di sekitar Norrebro. Seramai 130 ditahan dan 13 warga asing dihalau dari Denmark. Ahli Anarchist Black Cross yang merupakan perancang dalam mewujudkan bantuan dan sokongan kepada banduan juga ditahan. Talian telefon mereka juga ditutup oleh pihak berkuasa dan keesokkan harinya, mereka mengumumkan talian baru mereka. Walaupun dicemari dengan "keganasan", kumpulan Citizens Group yang menyokong Ungdomshuset mendapat banyak talian daripada individu yang ingin mendapatkan keahlian. Keahlian mereka meningkat hampir 700 orang. Di belah petang, seramai 2000 orang berkumpul untuk berarak. Demonstrasi solidariti berlaku di seluruh Eropah untuk beberapa hari seterusnya. Di sesetengah negara, rumah konsulat Denmark disquat, lebuhraya terpaksa ditutup dan perusuh menggunakan api sebagai senjata melawan polis. Rusuhan berlaku lagi di sekitar Copenhagen di belah petang. Seramai 76 individu ditahan. Kerugian akibat rusuhan dianggarkan mencecah US$2.7 juta.

2007 - Mac 5. Pekerja-pekerja bertopeng ski memulakan kerja-kerja meruntuhkan Ungdomshuset sambil pihak polis mengawal ketat kawasan tersebut. Kebanyakkan syarikat menarik diri dari menyertai kerja-kerja meruntuhkan Ungdomshuset, mungkin kerana mereka menyokong Ungdomshuset, tetapi mungkin juga kerana mereka tidak dapat menjamin keselamatan pekerja mereka ketika meruntuhkan bangunan tersebut. Kebanyakkan kenderaan syarikat-syarikat yang terlibat telah dirosakkan seperti tayar dibocor, cermin dipecah dan asid dituang di tempat duduk kenderaan tersebut. Salah satu syarikat yang terlibat terpaksa menghantar pekerja mereka pulang dan meminta ganti rugi dari Faderhusset dengan menghantar bil kerugian. Pada lewat malam, dua trak telah dibakar di parkir syarikat yang terlibat dalam penghantaran bahan dari Jagtvej 69. Syarikat 3x34 Transport menyatakan yang syarikat mereka bersifat politikal neutral dan akan menghantar apa-apa bahan atau barang jika diminta tanpa mengambil kira soal politikal, agama mahupun kaum. Walaubagaimanapun, mereka memilih untuk tidak terlibat dalam kerja-kerja di Ungdomshuset. Mereka berkata yang 3x34 Transport tidak akan meneruskan kerja mereka tanpa mengira masa sekiranya kerja-kerja tersebut boleh mengancam keselamatan pekerja dan mereka tetap dengan pendirian untuk memberhentikan dan menolak sebarang permintaan daripada projek yang melibatkan kerja-kerja pembersihan Ungdomshuset di Norrebro.

2007 - Mac 6. Ketua Faderhusset menyampaikan ucapan kemenangan. Dalam ucapannya, dia menyatakan yang golongan muda di Norrebro telah dipengaruhi oleh syaitan tetapi Tuhan lebih berkuasa dan akan menang menentang syaitan. Dia juga berkata, perkara seterusnya yang harus dilawan dan ditentang ialah homoseksual, pedophilia, pornografi, penguguran dan alat mainan berunsur kesetanan.

2007 - Mac 8. 4000 orang menyambut Hari Wanita Antarabangsa, iaitu hari yang dicadangkan di Jagtvej 69 hampir satu abad yang lepas. Mereka berarak sebagai tanda sokongan terhadap perjuangan Ungdomshuset. Bangunan tersebut telah dimusnahkan tetapi permintaan mereka untuk bangunan yang baru sedang hangat dibincangkan.

2007 - Mac 16. Satu van polis yang penuh dengan anggota berhenti di Jagtvej 69 semata-mata hanya untuk kencing di tapak bekas bangunan Ungdomshuset. Apabila orang awam bertanya adakah tindakan mengencing di tanah milik peribadi sah di sisi undang-undang, polis menjawab yang mereka mempunyai hubungan baik dengan Ruth (ketua Faderhusset). Sementara itu, pihak polis mengaku yang mereka secara "tidak sengaja" menyerang orang awam menggunakan gas pemedih mata.

2007 - Mei 14. Polis memasuki Christiania untuk menghancurkan bangunan terbiar Cigarkassen. Ratusan manusia kemudian membina sekatan jalan dan merosakkan kenderaan binaan. Apabila polis berundur, mereka membina kembali rumah tersebut. Ribuan berkumpul di Christiania pada awal petang. Pihak polis meronda dalam kumpulan yang ramai, sambil membuat penahanan, sambil dihujani botol dan batu. Pihak polis sebenarnya ditekan oleh kombinasi aktivis squat dan penjaja yang kasar, dan mereka bertindak dengan menembak gas pemedih mata ke dalam Christiania dari luar, dan barrikad yang besar dibina bagi menghalang pihak polis mendekati mereka. Ketika ini, ada seseorang sempat men-

curah satu baldi air kencing dan tahi ke atas komander polis "Bjarne Bonelock", kerana dia adalah anggota yang selalu terlibat dalam keskes berkaitan Ungdomshuset dan Christiania. Pertelingkahan tersebut berlaku sehingga malam, tetapi pihak polis masih belum berjaya menguasainya. 50 tahanan telah dibuat dan pendakwaraya pula memohon semua tahanan kekal di penjara kerana baginya tahanan tersebut berada dalam keadaan yang ingin memberontak sepanjang masa.

Selepas sisa-sisa runtuhan selesai, Faderhusset meletakkan harga jualan untuk tanah tersebut sebanyak DKK15 juta (mereka membelinya dengan harga DKK2.6 juta). Majlis bandaraya menyuarakan rasa jengkel dan bengang mereka kerana Faderhusset enggan menjualnya ketika grup "Jagtvej 69" cuba membeli untuk diberi kembali kepada squatters, dan kerajaan terpaksa menanggung kerugian yang disebabkan oleh rusuhan-rusuhan yang berlaku ketika bangunan tersebut dirampas dan ianya dianggarkan memakan kos sebanyak DKK 72 juta.

Secara keseluruhan, lebih dari 750 ditahan ketika rampasan dan konflik susulan, termasuk 140 warga asing. Aksi solidariti berlaku di seluruh Denmark sehingga ke Korea Selatan. Ribuan manusia bergabung tenaga untuk meminta Rumah Belia yang baru dan individu dari gerakan squat tahun 1980-an yang sudah tidak aktif, telah merancang dan mengadakan protes mingguan dan dikenali dengan nama Grey Bloc. Dan kisah seterusnya:


2007 - Ogos 30-September 6. Aksi selama satu minggu telah dibuat bagi memperingati enam bulan Ungdomshuset dirampas, termasuk juga beberapa demonstrasi besar-besaran, satu hari feminis yang fokus kepada teknik-teknik mempertahankan diri, dan seperti biasa aksi mendirikan barrikad, pertelingkahan jalanan dan merosakkan harta benda serta satu kumpulan kanak-kanak telah meng-squat satu rumah di H.C: Oerstedsvej 69 dan mempertahankannya dari polis dengan menggunakan pai dan belon air. Selepas rusuhan pada 1 September, kedutaan Amerika Syarikat menghantar amaran kepada rakyat Amerika yang berada di Denmark untuk tidak masuk ke kawasan Norrebro. Di akhir minggu tersebut, sebanyak 69 protes telah berlaku di 69 tempat yang berasingan di rumah atau bangunan yang bernombor 69. Aktivis squat telah mengumumkan yang stesen mengepam air terbiar di Grondalsvenge Alle 13 akan diduduki untuk bulan seterusnya dengan menggunakan taktik yang sama seperti protes persidangan G8 di Jerman.



Sebelum dan Selepas



2007 - Oktober 6. Hampir 10,000 orang berkumpul di Norrebro untuk menduduki Grondalsvange Alle 13 dan dalam 1000 telah dilatih untuk berkonfrantasi dengan polis. Selepas perarakkan reda, ianya berpecah kepada empat blok berbeza, dengan setiap satu punyai tema berlainan dan juga jenis risiko yang akan dihadapi. Bangunan yang dipilih dan juga kawasan sekeliling dipenuhi dengan kawat besi, anggota polis dan anjing polis. Majoriti manusia yang terlibat adalah pasifis tetapi pihak polis tetap menyerang mereka menggunakan gas pemedih mata, anjing polis dan baton dan mengakibatkan keluarga yang tidak bersalah dan pihak polis sendiri terkena gas tersebut. Penahanan paling ramai pada satu masa dalam sejarah Denmark apabila seramai 436 individu ditahan. Walaubagaimanapun, ratusan orang berjaya sampai ke rumah tersebut dan berjaya mengibarkan bendera Jolly Roger dari atas bumbung rumah tersebut. Pada saat akhir, mereka gagal mempertahankan rumah tersebut tetapi datuk bandar mengumumkan yang dia masih terbuka untuk berunding di masa akan datang.



KULON PROGO

Kisah Pasir, dan Pencari Rezekinya: Sejarah dan Penerangan Etnografi Perkampungan dan Perjuangan

Pasir sebagai penentu hidup penduduk pantai Kulon Progo.

Sehingga ke hari ini, pasir ini telah menyumbang kepada ribuan manusia di sepanjang pantai di daerah Kulon Progo, wilayah Jogjakarta. Kisah ini bermula sebelum 1942, apabila penduduk pantai mencari jalan bagaimana pasir ini boleh menampung kehidupan mereka. Penyata diambil dari cerita lisan Arjo Dimejo, orang kampung Karang Sewu, menceritakan sebelum tahun tersebut, ramai penduduk kampungnya menanam padi, ubi kentang, ubi keledek dan kekacang di pasir pantai. Apabila kolonial Jepun tiba, penduduk dilarang menggunakan pasir tersebut untuk pertanian atas alasan pihak Jepun merasakan mereka membuat garam di belakang pengetahuan mereka. Walaubagaimanapun, apabila Indonesia mendapat kemerdekaan dan tiada lagi pihak kolonial Jepun, beberapa penduduk kampung kembali ke pantai tersebut untuk menyara hidup. Arjo Dimejo juga berkata, pada 1948, Presiden Sukarno datang melawat pantai tersebut dan menyeru penduduk supaya mempergunakan pantai tersebut dengan sebaiknya. Penduduk tempatan yang kebanyakkannya adalah petani mula mengerjakan tanah (yang kebanyakkan berpasir) tersebut. Pada satu ketika pada 1970-an, rupanya telah melanda dan merosakkan tanah dan kediaman di kawasan tersebut. Walaupun keadaan ketika itu teruk, para petani tetap berjaya meneruskan kehidupan dan bertekad untuk mencari sumber melalui tanah pasir tersebut.

Penduduk yang tinggal di kawasan pantai tersebut digelar 'cubung' oleh masyarakat lain. Ianya satu bentuk stereotaip dan ejekan yang bermaksud mundur atau orang kampung bawahan yang mudah mendapat penyakit. Ianya berikutan pada beberapa dekad yang lepas, kombinasi bahang matahari dan angin kuat telah membuatkan beberapa penduduk kampung tersebut mendapat penyakit kulit, masalah pernafasan, sakit perut dan sakit mata.

Penduduk pantai bertani tanpa tanah, hanya pasir, dan berharap air hujan yang melimpah dapat menyuburkan tanah tersebut. Ini membuatkan kondisi kehidupan mereka sentiasa tidak menentu. Sehingga 1980-an, pertanian di kawasan pantai tersebut begitu marginal. Apa yang tumbuh di pantai tersebut hanyalah tumbuhan menjalar tertentu. Dan ianya hanya pada musim hujan dan pada musim panas, kesemuanya akan mati. Kemarau telah memaksa ramai petani mencari kerja yang bergaji di tempat lain dan ada di antara mereka



yang terpaksa meninggalkan Pulau Jawa dan kembali ke kampung mereka selepas 6 – 12 bulan kemudian. Sehingga 1980-an, perkataan 'cubung' masih lagi digunakan. Walaubgaimanapun, untuk beberapa tahun penduduk pantai berjaya mencari beberapa jalan lain supaya tanah pasir tersebut boleh membekalkan makanan untuk kehidupan mereka.

Ilham muncul dari ziarah-menziarahi

Hampir setiap petang, masyarakat yang digelar 'cubung' menikmati 'endong-endongan'. Ini adalah kebiasaan bagi penduduk kampung untuk berkumpul di rumah jiran-jiran dan menceritakan pengalaman dan cerita masing-masing.[1] Mengikut Iman Rejo (penduduk kampung Bugel), sedar atau tidak, ini adalah cara atau usaha orang kampung untuk memenuhi kehidupan mereka, sama ada dari segi kebendaan ataupun spiritual. Apabila penduduk berjumpa sesama mereka, perasaan keseorangan akan hilang kerana mereka bagaikan keluarga. Saat-saat seperti ini adalah benih untuk memotivasikan petani dalam meningkatkan kehidupan mereka dengan tabah. Pertemuan 'endong-endongan' ini bersifat tidak berhierarki dan ianya terjadi dengan spontan pada setiap petang. Ini juga saatnya mereka mengenal hati budi sesama mereka dan cuba mencari idea baru bersama.

"Jika diambil secara positif, idea perjumpaan dari hati ke hati untuk sama-sama membantu dan berkongsi pengalaman datang daripada tiga penduduk kampung (Iman Rejo, Pardiman, Musdiwiyono) untuk cuba mencari teknik-teknik dan sistem-sistem berbeza supaya tanah pasir yang marginal tersebut dapat mendatangkan hasil." [2]

Perjumpaan endong-endongan setiap malam di rumah orang kampung yang berbeza telah melahirkan perhubungan erat dan kesatuan antara individu dan ianya penting ketika keadaan meruncing seperti ini. Mereka mula bercerita mengenai masalah yang mereka hadapi dan bersama mencari jalan bagaimana untuk mengatasinya. Sebelum ini, setiap petani menyemai tanah mereka sendiri, akan tetapi mereka mula sedar betapa penting untuk bekerja bersama dan mencari jalan dalam menyemai tanah. Mereka juga mempergunakan pengalaman dan kemahiran bekerja di tempat lain dan berkongsi mengenainya sesama mereka.

Pelbagai idea juga muncul daripada perjumpaan secara individu dan juga daripada kelompok petani untuk belajar mengenai hal perihal tanah mereka. Pada 1984, satu kelompok petani bekerjasama membina satu telaga ringkas di tanah tersebut. Disebabkan pasir mudah beralih, mereka menggali telaga tersebut dengan luas dan ia berukuran 5 meter untuk diameter dan kedalaman berukuran 5-8 meter dan satu tiub buluh dimasukkan ke dalam telaga tersebut. Telaga tersebut dilengkapi dengan timba buluh. Setelah beberapa telaga lain dibina, para petani mula menyediakan tanah. Mereka mula mencangkul, membina empangan, membaja dan kemudian mula menanam. Segala bentuk teknologi dan penyediaan tanah telah dilakukan oleh komuniti mereka sendiri dengan bekerja bersama.

Eksperimen para petani adalah berdasarkan pemerhatian terperinci terhadap hukum alam. Mereka cuba menanam jagung menggunakan pelbagai teknik dan pelbagai lokasi juga dicuba untuk menanam pokok akasia, dan setiap percubaan tersebut dibuat berdasarkan pemerhatian teliti. Sehingga pada satu hari, seorang petani menyedari pokok cili tumbuh segar berhampiran pokok kelapa ketika melalui kawasan pantai tersebut. Penemuan ini mendorong petani lain untuk mula menanam cili, dan



sambil itu mencari pengalaman. Akhirnya mereka mula memperoleh pengetahuan dalam menyemai tanah tersebut tanpa bantuan pakar. Dorongan ini hadir hasil daripada inisiatif mereka yang mahu mengatur kelompok petani. Hingga ke hari ini, bilangan kelompok petani makin bertambah dan makin berkembang.

Para petani menyelesaikan masalah kekurangan air dengan membina beberapa lagi telaga. Telaga asal yang ringkas telah digantikan dengan telaga simen dan konkrit. Sebelum ini, mereka menggali setiap telaga agak dalam dan luas dan memerlukan timba yang besar untuk mengambil air. Para petani merasakan teknik ini tidak berkesan. Kemudian para petani mula membina telaga yang lebih elok dengan menyediakan pengepam air yang disambung dari buluh ke tangki yang diperbuat daripada paip dan kotak konkrit. Ini masih belum mencukupi dan mereka menukar buluh dengan menggunakan PVC. Walaupun bahan yang digunakan boleh dianggap moden, mereka menggunakannya dengan penuh pemahaman terhadap ciri-ciri alam semulajadi kawasan pantai.

Masalah angin kencang pula mereka atasi dengan menggunakan pokok yang bertindak sebagai penangkis angin dan ianya ditanam di sekitar kawasan penanaman. Antara tanaman yang ditanam adalah pokok jarak, peria dan terung. Pokok kelapa juga ada digunakan sebagai penangkis angin dan bagi mengelak tanaman mereka ditiup angin kencang. Sebelum penyemaian, tanah pasir tersebut yang kelihatan seperti gurun dengan sedikit semak akan beralih-alih apabila ditiup angin dan dipukul ombak. Akan tetapi kondisi alam semulajadi seperti akan ditangani oleh ko-operasi para petani dengan meratakan tanah dan membuang semak dan memadatkan satu ruang pasir berbukit dibiarkan antara laut dan tanah tanaman mereka.

Ada pelbagai pengalaman yang menyumbang kepada pengetahuan mereka yang boleh diceritakan disini tetapi ianya tidak perlu diceritakan satu persatu. Apa yang pasti adalah para petani telah melalui satu proses yang panjang dan dinamik, yang mana ianya amat penting dalam usaha mereka untuk terus hidup. Mereka telah dilarang untuk bertani, dihentam angin kencang setiap hari, kadang-kala dihentam ombak, diganggu oleh pasir dan dijangkiti penyakit. Akan tetapi, rutin mereka untuk berjumpa, berbincang dan berkongsi membuatkan mereka semakin hari semakin kental dalam menghadapi segala halangan dan dugaan yang dihadapi.

Untuk jangka masa yang lama, para petani menempuh pelbagai rintangan, akan tetapi mereka berjaya mencari jalan penyelesaian secara bebas dan auntonomi tanpa bantuan luar, terutamanya dari pihak kerajaan. Jalan ke ladang mereka yang sebelum ini agak sukar telah mereka buat sendiri sesama mereka. Pada mulanya mereka membuat jalan ringkas dengan menggunakan batu dan kemudian mereka menggunakan tar. Mereka bekerjasama membina jalan tersebut, mengeluarkan duit poket sendiri tanpa sedikit pun bantuan kerajaan. Itulah penerangan yang akan mereka berikan jika ditanya apa peranan kerajaan di kawasan mereka. Selain itu, para petani juga tidak pernah menghadapi sebarang konflik mengenai siapa yang berhak menguruskan tanah tersebut. Para petani sudah memahami hak untuk bertani adalah hak semua petani dan mereka tidak pernah mempertikaikan status tanah di kawasan itu.

Untuk jangka waktu yang lama para petani menghadapi pelbagai halangan yang harus ditempuhi, akan tetapi mereka berjaya menyelesaikannya dengan cara bebas dan au-

tonomi tanpa sebarang pertolongan dari pihak luar. Hingga ke jalan untuk memasuki ke ladang mereka, mereka bina sendiri. Pada mulanya mereka hanya menggunakan batu dan kemudian tar digunakan dengan menggunakan duit poket petani untuk segala kos dan kerja, tanpa sedikit pun pertolongan pihak kerajaan. Itulah penerangan yang akan diberi oleh para petani jika ditanya apa peranan kerajaan di kawasan mereka. Mereka juga tidak pernah menghadapi sebarang konflik mengenai siapa harus mengerjakan tanah kerana mereka mengaturnya sesama mereka. Perhubungan dan kepercayaan yang wujud jauh lebih bagus daripada cara ahli perniagaan yang dipenuhi dengan kertas kerja dan hitam putih.

Hasil usaha yang melebihi 40 tahun telah membuat tanah yang sebelum ini terbiar menjadi kawasan subur dan zon yang produktif. Pelbagai jenis tumbuhan telah hidup subur hasil usaha para petani. Di tanah berpasir tersebut pelbagai tanaman boleh hidup sama ada di musim hujan mahupun musim panas. Cili, terung, peria, kacang kastor, pokok jarak, kacang hijau, padi, jagung, tembikai dan pelbagai jenis sayuran hidup di sepanjang 25km pantai tersebut. Usaha empat kerat para petani telah menukar tanah pasir tersebut menjadi kawasan hijau. Kunci kejayaan mereka adalah pengetahuan secara kolektif, sama ada pengetahuan mengenai teknologi moden ataupun pengetahuan sendiri mengenai masa dan cara bercucuk tanam. Cili telah menjadi komoditi utama untuk petani di kawasan tersebut. Walaubagaimanapun, mereka juga menanam tanaman lain berdasarkan musim. Setiap kelompok petani akan terus berbincang mengenai tanaman apa yang harus ditanam dan diikuti dengan tanaman lain. Perbincangan mereka merangkumi berbagai perspektif, dari kepercayaan mereka terhadap kalender Jawa hingga ke kondisi tanah, laut dan langit, dan juga kemungkinan pertembungan waktu penyemaian antara sesuatu tanaman dengan tanaman lain.

Kapitalis tak mahu lepas peluang

Pada 1964, satu kajian menganalisis komposisi tanah telah dijalankan oleh fakulti geologi universiti ITB (Institut Teknologi Bandung). Diketuai oleh In Junas, mereka mengkaji kandungan besi dan kedalaman air di tanah tersebut. Mereka telah membuat lubang di tanah pasir tersebut sedalam 4-7 meter. Beberapa penduduk kampung dipelawa untuk bekerja sambilan dan mereka menjumpai bijih besi dan air dibawah tanah tersebut.[3]

Hal ini dipergunakan oleh para petani untuk mengubah kehidupan mereka untuk 20 tahun kemudian. Ianya bagaikan mereka mencuri ilmu daripada kajian orang asing. Iman Rejo, Pardiman dan Musdiwiyono mengambil inisiatif untuk menyatukan penduduk kampung untuk membina telaga yang berguna untuk kehidupan mereka. Di bawah tanah tersebut mereka menjumpai air segar, jernih dan tidak bergaram, walaupun ianya hanya beberapa meter sahaja dari laut. Apabila telaga tersebut siap dibina, orang kampung telah membawa kehidupan kepada tanah tersebut.

Akan tetapi, hal ini difahami secara berbeza oleh badan korporat dan ahli perniagaan apabila laporan akademik sampai ke meja mereka. Ketika tanah tersebut mula subur, membekalkan rezeki dan berjaya menghantar anak petani ke sekolah, para usahawan mula sibuk mencari jalan mahu merampas tanah dan kesenangan penduduk Kulon Progo. Mereka juga mahu bahagian mereka. Perkongsian yang mereka tubuhkan diberi nama PT JMM (Jogja Magasa Mining).

Pada Khamis, 6 Oktober 2005, jam 20.15 Waktu Indonesia Barat, satu suara telah membusi mimpi-mimpi indah petani. "Di dalam tanah pasir ini adanya besi dan sekarang tiba masanya ianya dikeluarkan untuk dinikmati, bukan sahaja untuk petani, malah ianya harus dikongsi untuk semua masyarakat, untuk nusa dan bangsa." Seperti itulah suara itu kedengaran melalui bilik mesyuarat ketika tibanya dokumen daripada PT JMM.[4]

Berdasarkan dokumen tersebut, PT JMM bagaikan telah mendapat lampu hijau daripada pihak kerajaan negara untuk mengeksplotasi tanah tersebut melalui syarikat perlombongan mereka. Akan tetapi, syarikat ini (PT JMM) baru sahaja ditubuhkan dan masih baru dalam bisnes perlombongan. Mereka masih memerlukan pengalaman dalam penggunaan mineral dan memerlukan modal tambahan,dan mereka perlu menyertai perusahaan lain dan menjadi rakan kongsi.[5] Dalam temuramah bersama Lufti Hayder (pesuruhjaya Jogja Magasa Iron) syarikat tersebut akan bergabung dengan syarikat Australia, Indo Mines Limited dan Australia Kimberly Diamond turut serta dalam menyediakan modal tambahan dan ianya disertai oleh beberapa pelabur lain.[6 7] Kolaborasi ini mereka namakan di atas nama Jogja Magasa Iron sebelum menukarnya ke Jogja Magasa International (JMI).[8]



Beberapa langkah sistematik telah diambil oleh perkongisan perniagaan ini dan pihak lain yang cuba mengaut keuntungan ke atas tanah Kulon Progo bagi memastikan bisnes perlombongan besi mereka berjaya. Lufti Hayder menyatakan yang JMI telah mendapat bantuan kewangan, walaupun ekonomi global sedang merudum. Bantuan kewangan ini boleh diramal untuk menampung perbelajaan untuk 12-18 bulan mendatang.

Petani bangkit menentang

Pada permulaan tahun 2006, para penduduk di kawasan pantai mula merasa kurang selesa dengan projek perlombongan tersebut. Perasaan ini mula merebak apabila petani mula menyedari yang mereka akan kehilangan tanah tempat mereka mencari rezeki selama ini. Mereka berkongsi kebimbangan mereka sesama sendiri dalam kelompok petani. Kemudian, kelompok-kelompok petani memutuskan untuk berjumpa dan berbincang mengenai masalah ini. Pada satu malam di bulan April, ratusan petani mewakili kelompok dan kampung masing-masing, bertemu untuk memutuskan apa perancangan mereka. Pada malam tersebut, para petani mula bertukar pendapat dan menganalisa kebimbangan mereka terhadap rancangan perlombongan. Mereka juga membuat ramalan mengenai apa akan terjadi terhadap kehidupan mereka jika perlombongan berlaku di kampung mereka.

Mereka berdiskusi mengenai 3 langkah yang akan mereka ambil. Pertama, para petani tanpa sebarang syarat menerima rancangan perlombongan. Kedua, mereka menerima rancangan perlombongan tetapi bersyarat. Ketiga, mereka menolak secara mutlak rancangan perlombongan. Akhirnya, tanpa seorang pun bersetuju dengan cadangan pertama, begitu juga dengan cadangan kedua. Mereka telah sebulat suara mahu menolak dan menentang rancangan perlombongan di tanah mereka.

Pada malam itu juga, mereka membuat perancangan dan strategi bagaimana mahu menentang rancangan perlombongan itu. Langkah pertama yang mereka ambil adalah dengan menubuhkan organisasi payung yang mereka namakan Paguyaban Petani Lahan Pantai (PPLP) atau dalam Bahasa Melayu, Persatuan Petani Kawasan Pantai. Organisasi ini mempunyai struktur yang luar dari kebiasaan. Selain jawatan pengerusi, setiausaha, bendahari dan timbalan, mereka juga melantik petani-petani veteran sebagai penasihat. Di setiap kampung, wujudnya kordinator yang bertindak sebagai delegasi. Apa yang unik adalah, kordinator ini hanya untuk satu individu dan jawatan ini akan mengikut giliran dengan cara yang agak fleksibel. Setiap kampung juga mempunyai unit PPLP yang autonomi, dan setiap kampung mempunyai struktur tersendiri. Apa yang jelas tiada satu individu pun yang mempunyai kuasa mutlak dalam struktur PPLP. Kesemua komuniti di kawasan pantai adalah ahli PPLP dan sebarang pendapat dan infomasi mengenai rancangan perlombongan akan dibincang dalam setiap mesyuarat unit PPLP dan dibawa ke mesyuarat utama. Satu lagi benda yang menarik ialah mereka tidak mempunyai sebarang pejabat untuk organisasi utama ataupun setiap unit PPLP. Sebarang perbincangan akan dibuat di rumah penduduk kampung.

PPLP kemudian mula mengatur dan merancang banyak aksi. Pada mulanya, mereka menentang menggunakan teknik tradisional seperti mujahadah, menghantar sihir, membuat ritual petani dan mengawal tanah mereka pada waktu malam. Akan tetapi, tindakan mereka tidak kelihatan seperti satu gerakan anti-perlombongan dan ianya tidak diambil serius oleh badan korporat dan juga pihak kerajaan (yang terlibat secara langsung dalam





mentadbir perbelanjaan). Dalam diam, ejen-ejen telah meresap masuk di kalangan penduduk kampung dan samseng telah diupah untuk menakut-nakutkan orang kampung.

Sebelum bulan Ramadhan, 24 Ogos 2007, para petani bersetuju untuk menyerang pihak berkuasa di Kulon Progo. Mereka sudah tidak tahan lagi dengan kewujudan pihak berkuasa yang tidak berlaku adil dan tidak pernah mengambil peduli aspirasi tanah tersebut terhadap penduduk kampung. Pada tarikh tersebut, kaum petani mula bertarung dengan polis dan pada akhirnya ratusan manusia memasuki tempat simbol kekuasaan kerajaan di daerah Kulon Progo. Para petani merobek pagar dan memaksa polis berundur dari menghalang aksi para petani. Pada hari itu, hampir semua orang kerajaan dan datuk bandar turun berjumpa dengan kaum petani. Para petani dari PPLP mengancam datuk bandar sebanyak 5 kali supaya membatalkan rancangan perlombongan.

Aksi dan demonstrasi kaum petani berlanjutan hingga ke hari ini. Mereka merancang strategi dan taktik baru supaya projek perlombongan di pantai Kulon Progo tidak menjadi kenyataan. Penentangan sejati kaum petani di Kulon Progo adalah contoh terbaik perjuangan menentang kuasa dan ia mempunyai karekter yang anti-politik, autonomi dan merdeka. Dengan usaha ahli politik dan NGO (badan bukan kerajaan) yang cuba turut serta, kami boleh katakan yang perjuangan para petani tidak harus disandarkan kepada sesiapa. Di antara pasir dan besi, ada api yang sedang marak, api yang tidak akan terpadam dengan apa jua rintangan, menentang penindasan dan ketidakperikemanusian

---

1. Cerita Lisan Iman Rejo

2. Cerita Lisan Iman Rejo

3. Cerita Lisan Iman Rejo

4. Dokumen Limited Company, PT Jogja Magasa Mining, No. 40 Buntario Tigris Darmawa NG, SH, SE. Berikut merupakan matlamat dan objektif syarikat tersebut dalam menjalankan aktiviti bisnes mereka:

o Aktiviti perniagaan adalah di dalam sektor perlombongan iaitu perlombongan besi, bijih besi, pasir pantai dan arang batu.

o Menguruskan perdagangan dalam bentuk import dan eksport dan bertindak sebagai ejen perwakilan, ejen utama, pengedar, pembekal hasil perlombongan seperti besi, bijih besi, pasir pantai dan arang batu, sama ada melalui akaun sendiri ataupun akaun lain, berdasarkan komisyen.

o Mewujudkan kemudahan industri untuk memperoleh dan memproses hasil perlombongan seperti besi, bijih besi, pasir pantai dan arang batu.

o Menyediakan servis dalam sektor perlombongan

o Trak digunakan sebagai pengangkutan hasil perlombongan.


5. Terkandung di dalam dokumen permulaan pelaburan adalah Rp 600,000,000.

6. Temubual 12 Mac 2009

7. Aplikasi Untuk Kontrak Bekerja daripada Kerajaan Republik Indonesia.

8. Pelan Kerja 2009 JMI, Saphire Hotel, Jogjakarta 12 Mac 2009









BLOK HITAM





TAKTIK DAN CARA-CARA DEMONSTRASI JALANAN BLOK HITAM

BAHAN – BAHAN UTAMA

1. Pakaian yang sama dengan rakan lain dan menutup identiti pemakainya

2. Kepercayaan dan perhubungan antara satu sama lain

3. Misi

BAHAN – BAHAN LAIN

1. Air: memerlukan dalam kuantiti yang banyak kerana kamu akan memakai pakaian yang tebal di cuaca yang panas dan air amat berguna kerana kamu akan diserang oleh bahan-bahan kimia pihak berkuasa.

2. Makanan: jangan bergantung pada kedai-kedai berhampiran.

3. Pakaian Penyamaran: beberapa helai pakaian amat berguna untuk tujuan/misi lain/berbeza

4. Senjata Pertahanan:
- banner
- perisai (buatan sendiri/puppet)
- kasut but/steel-toed (pastikan ianya selesa untuk berlari!)
- pelindung/penghadang badan
- topeng gas, google, cermin mata hitam
- bandanna yang telah diperah air limau(air limau bukan air oren/sila simpan buah limau beberapa biji di dalam poket yang mudah untuk diambil)
- baju hujan/hooded/sarung tangan bertujuan untuk mengelak dari terkena bahan-bahan kimia pihak berkuasa
- Bawa juga alat perubatan dan ubatan (first aid) jika anda dan tahu menggunakannya.

5. Senjata Serangan:
- spray can/spray paint
- lastik
- papan tanda
- bendera (tiang yang besar dan tebal adalah satu bonus)
- Molotov cocktails (bom petrol)
- Lampu terang (lampu suluh atau apa sahaja jenis lampu yang terang untuk menghalang pandangan pihak berkuasa ketika waktu malam)
- Tangga (berguna untuk melepasi apa sahaja halangan/pagar)

6. Alatan Komunikasi:
- hand radio/walkie-talkie
- telefon bimbit/hand phone (pastikan ianya sudah di top-up)
- police scanner
- bendera (pastikan kod bendera dikongsi bersama)
- drum (pastikan kod drum dikongsi bersama)

7. Pengangkutan/Kenderaan:
- basikal (kenderaan terbaik untuk melarikan diri dan bersembunyi)


BLOK HITAM, Pengenalan Ringkas

Sebelum ini, anda mungkin sudah terdengar atau terpandang tentang kehebatan Blok Hitam atau Black Bloc yang mana jika tidak keterlaluan, ianya dihormati, dan merupakan salah satu tradisi dan upacara anarkis untuk berkumpul secara beramai-ramai, mengpraktikkan aksi lagnsung atau direct action (direct action bermaksud tindakan atau perlakuan oleh individu atau kumpulan untuk mencapai kehendak/gol mereka dengan cara berbeza dengan cara normal oleh orang normal), memakai pakaian hitam hampir sepenuhnya, mengenakan topeng dan terlibat dalam beberapa aktiviti yang dilarang oleh pihak berkuasa. Taktik ini telah berjaya dalam beberapa pertarungan ulung pada beberapa dekad yang lepas, dan juga gagal dalam beberapa pertarungan yang jumlahnya, tidak cukup jari untuk dibilang. Ada beberapa karekter-karekter budaya tertentu yang mirip dengan taktik Blok Hitam boleh dianggap sebagai tanda asal-usul taktik Blok Hitam ini. Sebagai contoh, The Boston Tea Party (protes pada 1773 di Massachusetts) adalah salah satu contoh terbaik bagaimana satu Blok bergerak: peserta merancang secara diam-diam, memakai pakaian yang sama (mereka memakai pakaian/kostum Red Indians yang sebenarnya salah dari segi politikalnya), dan terlibat dalam kelakuan dan tindakan yang provokatif seperti merosakkan harta benda yang mana ianya agak sama dengan apa yang Blok Hitam lakukan sekarang iaitu dengan merosakkan dan mengprovokasi kedai kopi korporat (anda mungkin sudah tahu kedai kopi yang mana). Kepada sesiapa yang mengpraktikkan 'direct action' mestilah selalu ingat beberapa jenis senario di mana satu versi tindakan/pergerakan Blok, adalah amat berguna.

ADAKAH BLOK HITAM INI BAGUS?

Taktik Blok Hitam ini amat berguna apabila peserta demonstrasi faham yakni tahu yang mereka akan melanggar undang-undang (untuk pengetahuan anda, semua aktiviti yang membangkang/protes pihak berkuasa: raja, kerajaan, polis, institusi agama, pihak kapitalis dll. adalah salah disisi undang-undang negara Malaysia). Jadi, apabila kalian berada dikelompok yang semua orang kelihatan sama, akan timbul kesukaran bagi pihak berkuasa mengenal pasti siapa yang terlibat dalam aktiviti radikal terhadap mereka. Maka, ini bermakna, peserta Blok Hitam tidak perlu takut terhadap pihak berkuasa kerana pihak berkuasa menghadapi masalah untuk membuat sebarang penangkapan. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa siri demonstrasi dan tunjuk perasaan telah diadakan di negara ini yang mana pada keesokkan harinya, media akhbar dan televisyen, atas arahan dan kebenaran pihak polis, telah menayangkan gambar-gambar peserta yang dikehendaki oleh pihak polis. Mereka yang dikehendaki ini telah melakukan kesilapan besar apabila mereka gagal menutup wajah mereka ketika melakukan aktiviti ini. Ini bermakna, gerakan Blok Hitam yang menyarankan supaya wajah peserta harus ditutup merupakan satu taktik bagi menyukarkan kerja-kerja penangkapan. Kejadian membakar lori/trak polis di Kelantan beberapa bulan lepas merupakan satu contoh terbaik di mana individu pertama yang bertindak membakar lori/trak itu terselamat kerana individu itu berjaya menutup wajahnya dengan bandanna (walaupun sebenarnya individu itu mengambil risiko kerana hanya menutup sebahagian sahaja wajahnya).

Selain daripada salah satu taktik untuk melepaskan diri, Blok Hitam juga merupakan satu aktiviti yang amat menarik, mengujakan dan menyeronokan. Aktiviti ini dapat melepaskan perasaan peserta yang sebelum ini dihantui rasa takut akan pihak berkuasa. Kemunculan Blok Hitam akan membuatkan pihak polis terkejut dan semestinya takut,



yang mana sebelum ini mereka hanya berdepan dengan manusia berpakaian biasa, berkopiah dan sebagainya, tetapi kali ini, mereka berdepan dengan satu blok manusia serba hitam ala gerila dan akan membuatkan mereka berfikir yang bukan mereka sahaja yang mempunyai unifom, lawan mereka pun sudah pandai sekarang. Kewujudan Blok ini juga sebagai satu tanda kepada pihak berkuasa yang blok manusia serba hitam ini bukan blok sebarangan.

Akhir sekali, walaupun anda tidak merancang untuk bertindak liar ketika menyertai Blok Hitam ini, anda seharusnya mengenakan kod pakaian yang sama sebagai satu langkah untuk anda menjaga rakan anda yang mungkin akan bertindak sedemikian. Ingatlah, ada bermacam jenis manusia yang menyertai Blok Hitam ini (guru yang tidak mahu kehilangan kerja, pelancong/imigran yang tidak



mahu dihantar pulang, pelajar yang tidak mahu diberhentikan, kakitangan kerajaan yang tidak mahu dibuang kerana ingin bekerja sambil merosakkan dan mencuri harta benda jabatan mereka dll). Jadi, tugas anda adalah untuk menjaga mereka, seperti mereka menjaga anda. Jadi, apabila semua menjadi "anonymous", anda pun adalah "anonymous".

PERSEDIAAN

Salah satu persediaan yang penting ialah dengan mengenali/memahami dahulu kawasan yang bakal menjadi tempat demonstrasi. Bersama rakan-rakan kalian, cuba kenal pasti lorong-lorong rahsia untuk melarikan diri, jalan mati, kedudukan kamera CCTV, tempat yang bakal menjadi tapak pihak berkuasa terpacak, target-target, rintangan dan halangan seperti pagar (yang boleh kalian gunakan kelak) dan yang paling penting ialah kenal pasti supaya anda tidak sesat berdemonstrasi. Sekiranya anda tinggal jauh dari tapak demonstrasi, cuba kaji selidik dan simpan di dalam fikiran peta tapak tersebut.

Pastikan kalian berada di tempat yang selamat sebelum demonstrasi berlangsung. Elakkan daripada sebarang tanda syakwasangka oleh pihak berkuasa. Sebelum ini, telah beberapa kali pihak berkuasa telah berjaya menahan peserta dan aktivis di tempat mereka bersembunyi. Sekali lagi, elakkan dari sebarang tanda-tanda yang boleh menimbulkan syakwasangka. Tempat berkumpul sebelum demonstrasi juga harus dititik-beratkan kerana kalian tidak mahu tempat kalian berkumpul ditutup oleh pihak berkuasa kerana pada hari demonstrasi, pihak berkuasa akan menutup beberapa kawasan di dalam bandar.

Biasanya, sebelum demonstrasi, peserta Blok akan berbincang tentang taktik dan sebagainya. Sekali lagi diingatkan, pastikan tempat kalian berbincang itu selamat. Tempat berbincang itu haruslah bergantung pada berapa ramai yang akan menyertai perbincangan itu. Jika kalian cuba merancang satu Blok yang simbolik dan besar, cuba hebohkan hal ini secara hati-hati kepada kawan-kawan kalian tetapi risikonya amatlah tinggi. Untuk merancang Blok yang agak tertutup dan selamat, cuba hebohkan rancangan ini pada rakan-rakan yang anda percaya sahaja. Dan pastikan rakan anda itu menghebohkan perkara ini pada rakan yang dia percaya

sahaja. Dan seterusnya dan seterusnya.

Aspek psikologi memainkan peranan penting. Sentiasa berjaga-jaga tentang keburukan yang akan berlaku terhadap diri anda dan rakan-rakan kerana dengan cara tersebut, anda akan cuba sedaya-upaya meminimumkan kesilapan yang bakal anda lakukan.

KETIKA DEMONSTRASI...

Pastikan anda ingat beberapa nombor telefon penting. Sekiranya gagal, cuba guna pen marker (permanent marker) dan tulis nombor-nombor tersebut di badan anda. Nombor-nombor tersebut mungkin anda amat perlukan sekiranya sesuatu terjadi pada diri anda.

Pastikan anda hanya membawa sejumlah wang yang cukup. Ingat, jangan membawa wang pada jumlah yang lebih kerana ianya akan menjadi milik pihak berkuasa sekiranya anda ditahan.

Sila tanggalkan sebarang subang pada diri anda kerana ianya akan melukakan badan anda.

Pastikan anda tidak membawa sebarang buku alamat atau apa-apa propaganda anarkisme. Anda tidak memerlukan bahan tersebut ketika upacara demonstrasi.

Bawa air minuman yang banyak. Ingat, anda di Malaysia dan anda memakai pakaian yang banyak. Nanti kalau panas ke, haus ke, sendiri mau ingatlah beb.

Makanan pun perlu dibawa bagi mengelak kehilangan tenaga. Upacara demonsrasi akan mengambil tempoh berjam-jam dan makanan berguna ketika anda berada di dalam tong sampah ketika cuba bersembunyi dari pihak otoritas. Pisang dan roti adalah makanan yang ideal kerana mudah dibawa, ringan dan berkhasiat. Ianya juga penting kerana ianya mudah untuk diberikan pada rakan-rakan yang lain yang kehilangan tenaga. Pastikan juga makanan anda itu tidak terkena sebarang bahan kimia pihak berkuasa.

Senantiasa buka mata anda terhadap pihak berkuasa yang menyamar sebagai orang biasa. Pastikan manusia-manusia ini tidak bercampur dengan anda dan pastikan anda tidak melakukan perkara yang melulu di hadapan mereka. Fikir sebelum bertindak. Pastikan juga anda tidak membuka topeng anda di hadapan orang yang anda tidak kenali dan juga sentiasa berhati-hati terhadap manusia yang membawa kamera (ianya mungkin pihak media ataupun fotografi biasa kerana zaman sekarang, sudah ramai berjaya memiliki kamera. Oleh itu elakkan dari sebarang tindakan pendedahan identiti di hadapan mereka)

Pakaian anda amatlah penting ketika berada di dalam Blok. Sebarang patches band hardcore punk kegemaran anda harus lah tidak didedahkan bagi mengelak dari ditahan. Jika hoodie atau jaket anda mempunyai patches, sila terbalikkan apabila anda memakainya. Ingat, ini bukan tempat menayangkan patches crusty anda. Juga diingatkan, pakaian yang dikenakan haruslah selesa dan tidak membebankan. Pakaian anda itu penting untuk digunakan bagi mengelak dari semburan bahan kimia. Baju kalis air adalah yang terbaik untuk mengelak bahan kimia tersebut. Pastikan anda memakai beberapa helai baju di dalam bagi tujuan melepaskan diri. Nasihat pihak kami, pakai baju dalaman yang mempunyai warna kontra dengan jaket hitam anda. Ini bertujuan mengaburi mata pihak berkuasa

Jika berlaku sebarang aktiviti dan tindakan agresif, sila guna bendera, pagar, banner atau apa-apa alatan yang saya ingatkan di atas sebagai penghadang.

Penting. Persoalan sama ada bilakah masa sesuai untuk memakai topeng adalah sukar untuk dijawab dan sukar untuk ditetapkan. Jika anda memakai topeng ketika Blok sudah terbina, anda berada dalam risiko yang identiti anda sudah terdedah. Jika anda memakai terlalu awal, risiko untuk ditahan sebelum Blok itu terbina juga timbul. Kami hanya boleh menyarankan yang topeng boleh dipakai apabila Blok baru sahaja terbina dan masa untuk memakainya amatlah rumit. Oleh itu, pastikan yang anda tidak memakai topeng terlalu awal atau terlalu lewat.

Bina Blok Hitam anda apabila peserta-peserta demonstrasi lain sudah memulakan demonstrasi mereka. Elakkan daripada membina Blok dahulu kerana bagi pihak berkuasa, Blok Hitam kelihatan lebih mengancam dan radikal daripada orang lain.



Apabila Blok Hitam sudah terbina, pastikan anda berada rapat dengan rakan-rakan yang lain (kepit tangan antara satu-sama lain. Taktik ini adalah mirip taktik pengakap di sekolah dahulu). Ini juga penting bagi Blok ini kerana dengan cara ini, anda akan sedar bila rakan anda akan ditarik oleh pihak polis dan ianya berguna untuk menyelamatkan rakan anda tersebut dari ditahan dengan melawan balik pihak berkuasa. Pertahankan diri dan rakan anda. Dan jangan mengalah!

Untuk komunikasi, jika perlu, guna nama samaran. Untuk penukaran taktik atau apa-apa tindakan, sila jerit dengan kuat supaya rakan anda yang lain tahu apa yang terjadi. Ini perlu kerana di dalam Blok, anda dan rakan-rakan adalah satu kumpulan dan pasukan. Jangan biarkan apa-apa berlaku terhadap teammate anda. Sekali lagi diingatkan, sila berikan bantuan jika ada yang memerlukan.

Jika anda bersedia untuk merosakkan harta benda pihak kapitalis, sila pastikan keadaan dan masa tersebut sesuai untuk bertindak. Periksa dahulu di mana pengawal keselamatan dan periksa dahulu kelemahan harta benda tersebut. Tindakan seperti menconteng dengan spray paint dan memecahkan tingkap adalah kaedah yang mudah untuk dipraktikkan. Akan tetapi, sering berlaku di mana-mana demonstrasi sebelum ini, timbulnya konflik antara anarkis dengan peserta lain. Peserta demonstrasi lain akan menganggap kerja-kerja merosakkan harta benda ini adalah tidak wajar dan mereka menganggap tindakan pihak anarkis ini sebagai 'keganasan' (violence). Perlu diingatkan, sekiranya anda terlibat dalam situasi seperti ini, sila terangkan kepada mereka apa yang anda percaya dan makna sebenar violence itu kerana tindakan anda itu tidak mencederakan mana-mana manusia sebaliknya anda hanya merosakkan harta benda.

Senjata paling merbahaya yang bakal digunakan ialah molotov cocktail. Untuk menggunakan senjata ini, pastikan tiada pihak berkuasa di belakang anda dan di belakang anda adalah penunjuk perasaan lain. Penggunaan senjata ini boleh membuatkan anda berada ke penjara. Jadi, cara penggunaan yang terbaik ialah dengan muncul dari peserta demonstrasi yang lain, membaling molotov cocktail dan hilangkan diri secepat mungkin. Dinasihatkan anda membalingnya ke arah harta benda polis, bukan ke arah pegawai polis. Untuk membaling objek ke arah polis, objek-objek lain seperti mentol lampu, botol kaca, bom cat dan melastik apa-apa objek juga boleh digunakan.

Bersedia untuk menghadapi apa-apa sahaja senjata pihak polis. Mereka akan menggunakan cota, penyembur lada, meriam air, peluru getah, bom asap, gas pemedih mata, dan sebagainya. Sentiasa bertindak dahulu daripada mereka. Mengenai bom asap dan tin gas pemedih mata, ianya boleh dicapai dan dibaling ke arah mereka. Pakai sarung tangan untuk melakukan aksi terbabit. Dan yang paling penting, pasti ianya bukan concussion bomb ataupun jenisan bom yang boleh meletup. Pastikan ianya jatuh ke jalan selama beberapa saat sebelum anda mengapai dan membalingkannya semula.

Jika anda tidak bernasib baik, anda akan ditahan oleh pihak polis. Ketika ditahan, simpan di dalam minda yang segala tingkah laku yang bagi anda adalah untuk menpertahankan diri akan membuatkan anda disabitkan atas kesalahan cuba mencederakan anggota polis. Jika rakan anda cuba melepaskan anda, sila memudahkan kerja mereka dengan mengaburi mata polis dan menyusahkan kerja anggota tersebut. Cuba yang terbaik untuk memperlambatkan kerja penahanan kerana ianya akan memberi ruang kepada

rakan anda untuk melepaskan anda.

Satu lagi aspek penting yang perlu diingati. Bukan sahaja pihak berkuasa yang perlu kita berjaga-jaga, orang biasa yang mungkin polis menyamar, manusia yang bertentangan ideologi, sayap kanan, neo-Nazi (yang mungkin merasa kurang selesa dengan sepanduk dan bendera hitam anda) dan bermacam-macam lagi manusia juga perlu kita awasi kerana mereka ialah golongan yang mengsabotaj usaha kita. Jadi, berjaga-jagalah dengan orang yang anda tidak kenali.


Untuk melarikan diri, tukar pakaian anda dan pastikan anda kelihatan seperti peserta protes yang lain dan bukannya datang Blok Hitam tadi. Pastikan tiada sesiapa dan kamera di sekeliling anda. Ini bagi mengelak penangkapan selepas upacara demonstrasi selesai. Jika anda mempunyai basikal, letakkan basikal anda pada tempat yang kurang berisiko dan mudah untuk digapai dan menghilangkan diri. Pastikan juga jikalau perlu, berada di samping rakan anda. Pastikan Blok tadi sudah berpecah, tukar pakaian dan hilangkan diri.

SELEPAS ITU...

Selepas sahaja selesai berdemonstrasi, cuba berkumpul bersama rakan yang lain dan berbincang tentang apa yang telah diperolehi dan apa yang kurang. Ini bertujuan untuk mendengar dan memberikan cadangan supaya di masa akan datang, Blok Hitam ini akan terus berkembang dan untuk memperbaiki kelemahan di dalam taktik. Ingat, ketika berbincang, pastikan hal-ehwal perbincangan anda itu tidak didengari oleh orang yang tidak dikenali. Jangan sesekali berasa takbur dan menghebohkan perkara ini kepada orang ramai. Pastikan juga, ketika berbincang, kalian semua kelihatan seperti golongan-golongan orang biasa. Pakai pakaian seperti remaja-remaja lain.

Akhir kata, moga kalian tidak ditangkap dan Selamat Menghentam Negara!!

Berikut di sebelah kanan adalah beberapa gambar yang diambil ketika protes-protes di Greece, Kanada, Jerman dan Denmark. Artikel di atas adalah terjemahan daripada buku Recipes For Disaster: An Anarchist Cookbook, Crimethinc ex-Workers Collective dan telah diubahsuai mengikut citarasa tempatan.







BIDAS